



**6/11/2008 (Khamis)**

## **Kontrak Naib Canselor UM tamat esok**

Oleh YANG CHIN MEE

KUALA LUMPUR 6 Nov. – Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Rafiah Salim mengesahkan kontrak perkhidmatannya yang tamat esok tidak disambung.

Rafiah ketika dihubungi memberitahu telah menerima satu panggilan telefon daripada pihak universiti yang memaklumkan perkara tersebut. ``Namun, saya tidak diberitahu sebab (kontrak) tidak disambung. ``Saya hanya dimaklumkan bahawa saya tidak akan disambung kontrak sahaja,’’ katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Rafiah dilantik sebagai Naib Canselor UM pada 1 Mei 2006. – Utusan.

**6/11/2008 (Khamis)**

## **RM7b mampu jana ekonomi**

KUALA LUMPUR 5 Nov. - Pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM7 bilion yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam buat masa ini mencukupi untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, dana itu mencukupi untuk digunakan pada waktu ini dalam membantu menjana ekonomi dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

"Sekiranya dana ini digunakan secara cepat dan efisien, jumlahnya adalah mencukupi tetapi kerajaan akan sentiasa melihat sebarang kemungkinan yang bakal berlaku pada masa hadapan."Datuk Seri Najib juga ada mengumumkan pembentukan program unit pengurusan di bawah Kementerian Kewangan bagi memastikan pengurusan dana itu dapat dibuat dan sebarang masalah yang dihadapi dikenal pasti," kata beliau.

Nor Mohamed berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Ramah Mesra dan Penyerahan Modal Program Kewangan Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di sini hari ini. Nor Mohamed berkata, dana di bawah pakej berkenaan akan dibelanjakan untuk projek yang melibatkan orang ramai dan memberikan kesan berganda yang tinggi bagi memulihkan keyakinan.

Semalam, Najib yang juga Menteri Kewangan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi berkenaan untuk mengukuhkan daya tahan negara dan mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dalam menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar. Nor Mohamed ketika ditanya tentang cara kerajaan akan membiayai defisit bajet negara, berkata, pembiayaannya akan terus dilakukan menggunakan sumber domestik.

"Kita merupakan negara penyimpan yang mana kadar simpanannya mencecah 37 peratus berbanding negara Amerika Syarikat (AS) yang berada pada kadar satu peratus atau negatif. "Oleh itu, kita mempunyai banyak mudah tunai (wang) atau kecairan dalam negara dan kerajaan tidak perlu untuk meminjam dari luar untuk mendapatkan dana. Permintaan terhadap bon terbitan kerajaan juga tinggi," kata beliau.

Nor Mohamed berkata, kerajaan menjangkakan defisit bajet sebanyak 4.8 peratus pada tahun depan akan kekal dalam tempoh dua tahun akan datang kerana ekonomi dunia yang mencabar. Kerajaan sebelum ini mengunjurkan defisit bajet pada tahun 2009 berada pada kadar 3.6 peratus tetapi kini ia meningkat kepada 4.8 peratus. Menteri itu berkata, penurunan semasa harga minyak mentah dunia dan komoditi akan memberi kesan kepada pendapatan negara terutama pada tahun 2010 sekiranya harga terus mengalami penurunan.

**6/11/2008 (Khamis)**

### **Bah: Pesawah MADA rugi RM4.2j**

ALOR STAR 5 Nov. – Banjir yang melanda Kedah pada 20 Oktober lalu menyebabkan seramai 5,401 pesawah dari empat wilayah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kerugian kira-kira RM4.2 juta apabila lebih 10,000 hektar bendang rosak ditenggelami air.

Pengerusi Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA, Ahmad Radin berkata, pesawah-pesawah di Wilayah II MADA di Kubang Pasu paling ramai menanggung kerugian melibatkan 3,059 orang selepas 5,843 hektar sawah padi musnah. Katanya, ia diikuti oleh seramai 999 pesawah di Wilayah IV MADA di Yan dengan melibatkan kemusnahan sawah padi seluas 2,622 hektar.

Menurutnya, di Wilayah III MADA di Pendang dan sebahagian Kota Star, seramai 703 pesawah mengalami kerugian apabila 1,461 hektar anak padi rosak akibat ditenggelami air.

"Seramai 640 petani di Wilayah I MADA di Perlis turut menanggung kerugian membabitkan sejumlah 1,015 hektar. "Jumlah kerugian kira-kira RM4.2 juta itu mengambil kira kemusnahan anak padi dan kos upah meratakan tanah dengan anggaran RM385 setiap hektar," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

**6/11/2008 (Khamis)**

## **Sungai Juru pulih pencemaran menjelang 2015**

BUKIT MERTAJAM 5 Nov. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Sungai Juru yang bermatlamat memulihkan sungai tersebut sehingga paras dua menjelang tahun 2015.

Melalui pelan tersebut, Sungai Juru yang sebelum ini dikategorikan antara sungai paling tercemar di negara ini akan menjalani beberapa proses pemulihan termasuk dari aspek kualiti air dan projek tebatan banjir.

Pengarah JPS Pulau Pinang, Hanapi Mohamad Nor berkata, pelan berteraskan tiga objektif utama itu yang antara lain menggariskan cadangan mewujudkan taman rekreasi di sungai itu, dijangka siap menjelang awal tahun depan.

"Sehubungan itu, JPS memerlukan peruntukan kira-kira RM300 juta bagi menjadikan semua projek yang dirancang dalam pelan berkenaan menjadi kenyataan. "Matlamat kami ialah menjadikan Sungai Juru menjadi kategori kelas dua sekali gus menghidupkan semula sungai yang dikategorikan kelas tiga pada masa ini," katanya selepas merasmikan Kempen Kesedaran Alam Sekitar di sini hari ini.

Menurut Hanapi, melalui pelaksanaan pelan induk itu kelak, Sungai Juru bakal berubah wajah dan menjadi satu kawasan rekreasi yang menawarkan pelbagai aktiviti air.

Pada masa sama katanya, JPS bersama agensi terbabit akan memantau beberapa sungai di negeri ini yang teruk tercemar bagi memastikan tahap pencemaran dapat dikawal. Antaranya pemulihan Sungai Pinang yang turut dikategorikan sebagai sungai paling tercemar dengan memberi tumpuan kepada masalah penempatan setinggan di kawasan berkenaan.

"Hanya masalah setinggan yang menyebabkan beberapa projek dirancang di situ terpaksa ditanggung tetapi kerajaan negeri memberi jaminan akan mengatasinya secepat mungkin," tambahnya.

JPS juga katanya, akan memasang sebanyak 100 perangkap sampah tambahan menjelang 2010 di beberapa longkang yang berhubung terus dengan sungai utama di negeri ini. Setakat ini katanya, hanya kira-kira 150 perangkap sampah yang sudah dipasang di beberapa longkang yang menyalurkan air ke sungai utama seperti di Sungai Juru dan Sungai Pinang.

**7/11/2008 (Jumaat)**

## **BPR siasat pegawai kanan PKNS**

SHAH ALAM 6 Nov. - Badan Pencegah Rasuah (BPR) Selangor sedang menyiasat beberapa pegawai kanan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang didakwa menerima elaun daripada syarikat pemaju yang bekerjasama dengan anak syarikat kerajaan negeri itu.

Difahamkan, beberapa pegawai kanan PKNS telah dan akan dipanggil untuk memberi keterangan berhubung dakwaan penerimaan elaun tersebut dilakukan selepas perjanjian jual beli (S&P) antara syarikat pemaju swasta dengan PKNS ditandatangani. Antara yang telah dipanggil ialah Pemangku Pengurus Besar PKNS, Low Siew Moi.

Beliau hadir ke pejabat BPR hari ini untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan sekali gus membolehkan BPR menyiasat dakwaan itu secara lebih terperinci. Sumber-sumber memberitahu, pemberian elaun itu adalah sebagai ganjaran selepas pegawai kanan PKNS terlibat menandatangani dokumen jual beli.

"Pemberian elaun itu dikatakan menjadi amalan PKNS dan BPR akan melihat dari sudut perundungan sama ada pemberian elaun itu dibolehkan atau sebaliknya kerana mereka telah menerima gaji daripada PKNS," jelas sumber tersebut. Sementara itu, Pengarah BPR Selangor, Moh. Samsudin Yusof yang dihubungi pemberita enggan mengulas lanjut dakwaan itu dan berjanji akan memberi kenyataan penuh esok.

PKNS mula dilanda kontroversi apabila Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang merupakan Pengurus Ahli Lembaga Pengarah PKNS melanjutkan tempoh persaraan Siew Moi dan melantiknya sebagai Pemangku Pengurus Besar PKNS. Bekas Timbalan Pengurus Besar Akaun dan Korporat yang telah berkhidmat selama 33 tahun dengan PKNS itu dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar PKNS untuk tempoh setahun sehingga jawatan itu diisi.

**7/11/2008 (Jumaat)**

## **Tangguh beli Eurocopter tidak jejas kredibiliti ATM**

Oleh Raja Syahrir Abu Bakar

KUALA LUMPUR 6 Nov. - Keputusan kerajaan menangguhkan pembelian 12 unit helikopter Eurocopter EC725 tidak menjaskan kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal berkata, dalam keadaan negara yang aman seperti sekarang, perkhidmatan helikopter Nuri yang mampu digunakan sehingga tahun 2015 adalah memadai.

"Kita telah gunakan Nuri sejak zaman pemberontakan komunis lagi dan ia terbukti berkesan sehingga sekarang. "Jadi kita (ATM) akur dengan keputusan penangguhan kerajaan itu berdasarkan kemampuan kewangan negara," katanya pada sidang akhbar selepas menerima tabik hormat Perbarisan Hari Ulang Tahun ATM Ke-75 di Kem Sungai Besi di sini hari ini.

Hadir sama Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Ismail Jamaluddin; Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Seri Abdul Aziz Jaafar dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Azizan Ariffin.

Pada 28 Oktober lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pembelian helikopter itu ditangguh sebagai langkah berjimat cermat berikutan krisis kewangan dunia.

Abdul Aziz memberitahu, perancangan pembelian Eurocopter adalah sebagai nilai tambah kepada aset-aset ATM khususnya Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) seperti dalam operasi-operasi mencari dan menyelamat. "Jika kita perlukan helikopter sebegini, Nuri masih ada dan ia boleh disokong oleh pesawat milik agensi lain seperti bomba, polis serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)," jelasnya.

Terdahulu dalam ucapannya beliau berkata, kematangan ATM terbukti setelah dipilih sebagai 'Institusi Paling Dipercayai di Malaysia' hasil kajian *Asia Barometer Survey* baru-baru ini. Beliau memberitahu, pengiktirafan itu adalah bukti keyakinan orang awam terhadap integriti dan keupayaan ATM sesuai dengan tema sambutan hari ulang tahunnya iaitu 'Komitmen Kami, Keyakinan Anda'.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, penugasan aset serta para pegawai dan anggota ATM yang kini mengawal keselamatan laluan kapal-kapal dagang Malaysia di perairan Teluk Aden, Somalia akan berakhir pada hujung bulan ini.

Dalam pada itu, perbarisan Jubli Intan ATM hari ini menampilkan 56 pegawai dan 691 anggota lain-lain pangkat daripada ketiga-tiga perkhidmatan darat, laut serta udara yang diketuai oleh Lettenan Kolonel Romainor Mohamed. Perbarisan itu turut menampilkan aset-aset ATM yang digunakan sejak awal penubuhannya sehingga sekarang.

**7/11/2008 (Jumaat)**

### **Sawah terbiar akan ditanam sayur, buah-buahan**

MELAKA 6 Nov. – Jabatan Pertanian negeri sedang mempergiatkan usaha membangunkan tanah-tanah sawah terbiar di seluruh negeri dengan penanaman sayuran dan buah-buahan bagi mengatasi masalah itu ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri, Datuk Mohammad Hidhir Abu Hasan berkata, pelbagai program pembangunan digerakkan dengan kerjasama Syarikat Padi Melaka Sdn. Bhd. bagi membangunkan tanah sawah terbiar yang sedia ada.

Menurutnya, pada masa ini, pihaknya mengenal pasti seluas 829 hektar tanah sawah terbiar terdapat di seluruh negeri dengan pecahan Alor Gajah seluas 450 hektar; Jasin 272 hektar manakala 107 hektar lagi di Melaka Tengah.

“Program pemulihan tanah sawah terbiar diusahakan di bawah Pelan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. “Melaluinya, pada setiap tahun, kita sasarkan 100 hektar akan dipulihkan dengan tanaman buahan, sayuran dan perladangan,” katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di sini hari ini.

Menjawab soalan tambahan Ismail Othman (BN-Kuala Linggi), kata Mohamad Hidhir, bagi memastikan sasaran mencapai matlamatnya, agensi yang dilantik melaksanakan program itu sentiasa menjalankan pemantauan di kawasan tanah sawah terbiar yang sesuai untuk dibangunkan.

**8/11/2008 (Sabtu)**

## **Nasib terumbu karang di Pulau Perhentian**

Oleh WAN SHAHARA AHMAD GHAZALI (shahara.ghazali@utusan.com.my)



KIMA gergasi yang sihat juga mempunyai warna-warna menarik hasil hubungan simbiosis dengan alga zooanthelar. Gambar fail menunjukkan seekor kima gergasi yang ditemui di Taman Laut Redang Mac lalu.

---

Sebut sahaja terumbu karang sudah pasti kita terbayangkan keindahan dasar laut yang cukup sinonim sebagai aset unik Malaysia. Pelbagai spesies ikan yang berwarna warni dan pelbagai rupa, penyu, haiwan invertebrata seperti gamat, landak laut, pelbagai jenis udang, haiwan cengkerang seperti tiram, ketam dan sebagainya berlindung di habitat ini.

Haiwan-haiwan ini hidup dalam habitat terumbu cetek yang kaya dengan pelbagai jenis karang yang berwarna-warni. Ada karang yang kelihatan seperti kepingan-kepingan cendawan, batu yang besar atau rantingan.

Di sana-sini kelihatan pula kerang-kerang jenis kima gergasi yang mana pada masa-masa tertentu, penyelam yang bertuah akan dapat melihat pelepasan benih berupa kepulan asap ungu dari kima matang. Tetapi bagaimana pula sekiranya terumbu karang yang anda lihat hanya berwarna putih dan keseluruhan terumbu kelihatan tidak bermaya dan sakit.

### Apa yang berlaku?

Fenomena karang menjadi putih secara besar-besaran adalah fenomena pemutihan karang (bleaching) yang mana alga seni yang bersimbiosis di dalam hidupan polips karang yang halus mati akibat stres. Alga-alga itu yang memberi warna kepada koloni karang yang juga akan mati meninggalkan hanya rangka kalsium karbonat berwarna putih.

Tanpa diduga penulis melihat fenomena tersebut di salah satu spot terumbu karang terkenal iaitu di Shark Point, tidak jauh dari Teluk Keke semasa menyertai Perhentian Island Challenge pertengahan bulan lepas. Kawasan terumbu karang itu agak luas dan cukup kaya dengan pelbagai jenis karang, tetapi malangnya tiada lagi warna yang menyerikan karang-karang tersebut melainkan hanya putih.

Lebih memilukan, seekor kima gergasi (*Tridacna* sp.) yang bersaiz agak besar sekitar 30 sentimeter lebar juga dapat dilihat tetapi hanya tinggal cengkerang. Sedangkan kerang kima adalah haiwan unik terumbu karang yang kian terancam dan semakin sukar ditemui di mananya pelosok dunia.

Selain itu, serpihan-serpihan karang banyak dilihat di sepanjang persisiran pantai Pulau Perhentian terutama pantai Teluk Keke, Bubu dan Coral Bay. Serpihan batu karang putih terdampar di pantai bukanlah perkara pelik namun yang menimbulkan tanda tanya ialah kuantiti yang terlalu banyak.

Malah menurut penduduk tempatan, masalah tersebut baru saja berlaku sejak dua bulan sebelumnya. Sebelum ini, persisiran pantai terutama di Teluk Keke dikatakan sangat bersih dan hampir tiada langsung serpihan-serpihan karang mati.

### Fenomena pemutihan karang

Timbul persoalan apakah habitat karang ini telah diancam fenomena pemutihan? Pensyarah Kanan Institut Akuakultur Tropika, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Zaleha Kassim, mendapati Reefbase yang mengumpul data mengenai status habitat terumbu karang seluruh dunia tidak menyimpan maklumat mengenai status Pulau Perhentian.

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa kejadian pemutihan karang memang berlaku di seluruh dunia termasuk perairan Malaysia, malah sedang merebak ke terumbu seluruh perairan Terengganu. Peningkatan suhu seluruh dunia atau yang kita kenali sebagai pemanasan global adalah faktor utama yang menyebabkan fenomena tersebut meskipun air laut di perairan pulau itu masih jernih bak kristal.

Keadaan ini menyebabkan suhu air laut naik sehingga tidak lagi sesuai untuk perkembangan koloni karang. Pemutihan karang berkait secara langsung dengan alga zooantelar, sejenis tumbuhan seni fotosintesis yang hidup secara simbiosis di dalam tisu hidupan karang. Melalui perkongsian dua jenis hidupan ini, alga mendapat rumah dan perlindungan daripada karang dan membalaunya dengan menyumbangkan nutrien kepada pertumbuhan karang.

Namun zooantelar tidak mampu bertahan dengan cuaca panas. Selain menghadapi tekanan daripada peningkatan suhu, perubahan kualiti air, cahaya yang terlalu terik dan sinar ultraungu berlebihan dari matahari juga membunuh zooantelar. Akibatnya pertumbuhan karang terganggu ekoran tiada nutrien, malah karang sendiri boleh mati dalam cuaca yang terlalu panas.

Karang-karang yang mati terutama jenis ranting dan cendawan yang lebih nipis tidak mampu lagi berpaut pada dasar laut dan mudah patah apabila dipukul ribut atau arus yang berlebihan. Terumbu karang terbesar dunia ialah Great Barrier Reef yang bersaiz kira-kira 2,000 kilometer di timur laut Australia.

Ia pernah mengalami dua episod pemutihan karang yang sangat buruk pada tahun 1998 dan 2002 sehingga dikatakan kemusnahan karang berlaku sehingga 90 peratus di kawasan tertentu. Saintis Australia menjangkakan peningkatan paras karbon dioksida dan suhu laut dunia akibat perubahan cuaca menggalakkan fenomena pemutihan karang dan bakal memusnahkannya sebelum tahun 2050.

### **Jadi apa tindakan kita?**

Pertama sekali sudah tentulah kita dengan bekerjasama mengawal fenomena pemanasan global. Seterusnya, kata Zaleha, kesan pemanasan global terhadap karang boleh diminimakan dengan mengambil tindakan memastikan persekitaran laut yang sihat bagi mengawal faktor-faktor lain yang boleh melemahkan karang.

Sejak kebelakangan ini, telah mula semakin banyak aktiviti pembangunan di laksanakan di kawasan perairan pantai Terengganu. Juga pelbagai eksplorasi laut dan pantai untuk tujuan pelancongan. Semua aktiviti ini mampu menyebabkan sedimentasi atau pemendakan pasir dan lumpur ke dalam air laut seterusnya menyumbat liang-liang halus koloni karang dan membunuhnya.

Pendek kata, kita boleh meminimakan faktor-faktor lain dan menyihatkan persekitaran air, kerana secara fizikal, koloni karang boleh beradaptasi kepada kenaikan suhu secara perlahan-

lahan. Minggu lepas kita telah berbicara secara terperinci mengenai kesan buruk fenomena pemanasan global terhadap ekosistem hutan paya gambut dan kali ini kesan buruknya terhadap ekosistem terumbu karang telah dijelaskan.

Jangan lupa bahawa terumbu karang berperanan sebagai pemampang gas karbon dioksida yang cukup besar iaitu menukarnya menjadi oksigen melalui proses fotosintesis. Malah pemanasan global juga memainkan peranan sehingga menyebabkan keadaan arus atau ribut luar biasa. Justeru, jangan lagi kita berlengah. Ayuh sama-sama kita beriring ubah sikap dan gaya hidup demi menangani pemanasan global.

**8/11/2008 (Sabtu)**

### **Hasil persidangan PPSMI dibentang ke Kabinet**



Hishammuddin Tun Hussein dan timbalannya, Datuk Dr. Wee Ka Siong (kiri) dan Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Alimuddin Mohd. Dom pada sidang media selepas mesyuarat mingguan Kabinet di Putrajaya, semalam.

---

PUTRAJAYA 7 Nov. - Rumusan daripada empat persidangan meja bulat membabitkan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) akan dibentangkan kepada anggota persidangan itu sebelum dibawa ke Kabinet. Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ini kerana anggota persidangan perlu memutuskan pelaksanaannya terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan oleh Jemaah Menteri.

"Saya terfikir untuk bawa perkara ini ke Kabinet, tetapi sama ada (pelaksanaannya) berjalan lancar atau tidak bergantung kepada banyak pihak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet kementeriannya di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang bakal diumumkan Khamis ini bukan pengukur utama dalam membuat keputusan mengenai dasar PPSMI. "Banyak lagi faktor lain yang perlu dititikberatkan, pengumuman mengenainya tidak boleh dibuat dalam tempoh terdekat iaitu selepas UPSR diumumkan," katanya.

Persidangan pertama bagi membincangkan hala tuju pelaksanaan PPSMI melibatkan penyertaan pegawai kanan Kementerian Pelajaran, institusi pengajian tinggi awam dan kesatuan guru. Sementara persidangan kedua membabitkan badan profesional, korporat, individu dan guru. Persidangan ketiga pula melibatkan penyertaan wakil murid dan guru dari semua jenis sekolah bandar dan luar bandar.

Manakala yang terakhir pada bulan lepas turut melibatkan penyertaan daripada Kementerian Pelajaran Brunei Darussalam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

**8/11/2008 (Jumaat)**

### **Kompleks PGA Sabah RM215 juta siap hujung tahun ini**

KOTA KINABALU 7 Nov. - Kompleks Pasukan Gerakan Am (PGA) Sabah di Kinarut, Papar, yang bernilai kira-kira RM215 juta dijangka siap sepenuhnya hujung tahun ini. Komandan Briged PGA Sabah, Datuk A. Paramasivam berkata, anggota pasukan itu akan mula berpindah ke kompleks tersebut sebaik sahaja menerima kemudahan bekalan air dan elektrik.

"Sekarang ini, kita hanya tunggu proses pemasangan bekalan air dan elektrik siap, PGA Sabah dijangka berpindah ke lokasi baru itu selewat-lewatnya pada hujung tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis serah terima tugas antara Pemangku Timbalan Komander PGA Sabah, Supritendan Bachok Labaya dengan Timbalan Komander yang baru, Asisten Komisioner Abdul Haddi Itam di Ibu Pejabat PGA di sini hari ini.

Kompleks PGA di kawasan seluas 40 hektar itu mula dibina pada tahun 2002 dan dijadual siap pada 2005. Bagaimanapun, berikutan masalah teknikal, kerja-kerja pembinaan terbengkalai sehingga 2006. Kerja-kerja pembinaan bagi membina kompleks yang lengkap dengan pelbagai kemudahan termasuk perumahan itu kemudian disambung semula pada tahun lalu.

Paramasivam berkata, semua operasi Ibu Pejabat PGA Sabah yang kini menumpang di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK), Kepayan dekat sini, juga akan dipindahkan ke kompleks tersebut. "Ibu Pejabat PGA Sabah di sini akan kita serah semula kepada IPK kerana selepas ini, semua operasi termasuk Ibu Pejabat PGA akan beroperasi di kompleks tersebut," ujarnya.

Terdahulu, Abdul Haddi, 55, ketika berucap pada majlis itu berharap akan mendapat kerjasama semua anggota bagi memantapkan lagi prestasi PGA Sabah. Anak kelahiran Negeri Sembilan itu yang sebelum ini berkhidmat sebagai Penolong Pengarah D4 Bukit Aman turut berazam untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

Sementara itu, Bachok pula yang memangku jawatan Timbalan Komander PGA Sabah sejak 8 Julai lalu akan bertugas di Batalion 16, PGA Sabah.

**9/11/2008 (Ahad)**

### **5,000 projek rumah miskin tegar siap hujung tahun**

KUCHING 8 Nov. - Sebanyak 5,000 projek Program Bantuan Rumah (PBR) bernilai RM150 juta bagi program pembasmian kemiskinan tegar di seluruh negara akan siap pada Disember ini. Timbalan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Ghani Ariffin berkata, ketika ini kesemua projek berkenaan yang dikenal pasti menerusi talian pembasmian kemiskinan e-Kasih masih dalam pelbagai peringkat dengan kebanyakannya telah siap.

Beliau berkata, sebanyak 5,000 penduduk miskin tegar dikenal pasti layak menerima projek pembangunan tahun ini daripada sejumlah 35,000 penduduk miskin di negara ini yang berdaftar dengan talian tersebut.

"Usaha untuk memberi bantuan kepada baki 30,000 penduduk yang tergolong dalam kategori miskin itu tetap akan diteruskan pada tahun hadapan. "Setiap program akan menerima peruntukan daripada ICU dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau ditemui selepas Majlis Penyerahan PBR dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di Dewan Kampung Salak dekat sini hari ini. Seramai 35 penduduk Kampung Salak menerima bantuan PBR sama ada dalam bentuk rumah baru dan membaiki rumah yang berjumlah RM1.208 juta manakala seramai 78 penduduk lagi menerima bantuan PPP berjumlah RM726,000.

Turut hadir, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, Datuk Kamal Husin. Abdul Ghani berkata, orang ramai yang mempunyai pendapatan belum melepassi garis kemiskinan boleh memohon dengan ICU menerusi talian e-Kasih yang dilancarkan tahun ini. Ujarnya, pemberian bantuan kepada penduduk miskin tidak semestinya dalam bentuk projek ekonomi, tetapi juga kebijakan sesuai dengan keperluan pemohon.

Dalam pada itu, Abdul Ghani berkata, keadaan ekonomi semasa tidak akan membantutkan usaha kerajaan untuk meneruskan program pembasmian kemiskinan di negara ini.

Jelas beliau, program itu berjalan dan amat penting bagi mencapai matlamat kerajaan yang menyasarkan miskin sifar menjelang 2010.

**9/11/2008 (Ahad)**

## **Guna RM7 bilion wang penjimatan subsidi minyak sah**

IPOH 9 Nov. - Tindakan kerajaan menggunakan peruntukan RM7 bilion daripada penjimatan subsidi minyak untuk membiayai pelbagai langkah tambahan adalah bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi suasana ekonomi global yang semakin getir.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Husni Hanadzlah berkata, tindakan berkenaan adalah amat penting malah tidak bertentangan dengan undang-undang. Beliau berkata, pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Parlimen pada Selasa lalu, memang boleh dilaksanakan oleh kerajaan mengikut Arahan Perbendaharaan.

"Kita sudah tahu ada penjimatan dalam bajet akan datang dan apabila bajet sudah disahkan di bawah Arahan Perbendaharaan, maka mana-mana penjimatan kos yang dapat dikurangkan daripada peruntukan bajet boleh digunakan untuk perkara lain. "Ini bermakna penjimatan daripada bajet boleh dipindahkan untuk kegunaan lain dengan memperuntukkan waran mengenai tujuannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis penyampaian baju korporat kepada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Persekutuan (JKKKP) Parlimen Tambun di Dewan Taman Perpaduan di sini hari ini. Ahmad Husni berkata, tujuan Najib yang juga Menteri Kewangan mengambil keputusan mengumumkan pakej rangsangan itu di Parlimen adalah kerana mahu bersikap telus kepada rakyat agar mereka tahu ke mana wang negara disalurkan. Katanya, peruntukan RM7 bilion itu diperoleh daripada penjimatan subsidi minyak untuk tahun depan. "Kerajaan dalam bajet 2009 mengunjurkan subsidi minyak bagi tahun depan adalah RM21 bilion kerana semasa menyediakan bajet tersebut, harga minyak pasaran dunia adalah AS\$125 setong. "Bagaimanapun berikutan kejatuhan harga minyak pada harga AS\$70 setong ketika ini, maka kita menganggarkan subsidi minyak boleh dikurangkan kepada RM14 bilion dan kita boleh jimat RM7 bilion," katanya.

Najib semasa menggulungkan perbahasan Bajet 2009 Kementerian Kewangan pada Selasa lalu, telah mengumumkan peruntukan RM7 bilion daripada penjimatan subsidi minyak untuk membiayai pelbagai langkah tambahan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam menghadapi suasana ekonomi global yang semakin getir. Katanya, langkah tambahan itu yang meliputi projek perumahan rakyat hingga pendidikan prasekolah sebagai tanda dan bukti kerajaan prihatin tentang kesejahteraan rakyat. Pengumuman itu bagaimanapun menimbulkan rasa tidak puas hati kepada pihak pembangkang yang mendakwa mereka tidak diberi kesempatan menyemak semula bajet tersebut.

**10/11/2008 (Isnin)**

## **UiTM cipta kalkulator ramal tanah runtu**

Oleh azian aziz

SHAH ALAM 10 Nov. - Pusat Penyelidikan Pencegahan Bencana Antarabangsa (IRCDIP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang telah memenangi pelbagai anugerah inovasi antarabangsa sedang mencipta kalkulator khas yang boleh membantu memudahkan pengiraan ramalan kejadian tanah runtu.

Kalkulator yang pertama seumpamanya di negara ini dan mungkin di dunia dicipta menggunakan perisian Carta RS iaitu carta yang berkeupayaan untuk meramalkan tanah runtu dengan lebih tepat dengan mengambil kira taburan hujan dan jenis tanah. Dengan saiz sama seperti mesin kira-kira biasa, kalkulator khas itu dijangka dipasarkan pada penghujung tahun depan dengan harga di bawah RM500.

Pengarah IRCDIP, Profesor Dr. Roslan Zainal Abidin berkata, idea mencipta kalkulator itu tercusus hasil pandangan serta komen yang diberikan semasa IRCDIP menyertai pertandingan peringkat antarabangsa. Beliau berkata, ia juga dicipta selepas pihaknya mengambil kira ketepatan dan keputusan pengiraan yang lebih pantas boleh diketahui jika ia siap dibina nanti.

"Kita telah berusaha untuk membina kalkulator ini dan kini perisianya telah disiapkan. "Kini, kita hanya menunggu mana-mana syarikat yang berminat untuk memasang cip bagi tujuan pasaran. "Jika semuanya berjalan lancar, kita menjangkakan kalkulator yang bakal disiapkan pada pertengahan tahun depan ini berada di pasaran pada penghujung tahun," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Roslan memberitahu, pihaknya ada menerima tawaran daripada beberapa buah syarikat di luar negara yang berminat untuk memasarkan kalkulator ini. Bagaimanapun, kata beliau yang membangunkan kalkulator itu bersama dua penyelidiknya, Badiah Sujak dan Wan Fatmasuriati Yahya, pihaknya akan mengutamakan syarikat-syarikat tempatan sebelum menerima tawaran luar. "Kita menerima tawaran-tawaran tersebut semasa menyertai British Invention Show (BIS) yang berlangsung di United Kingdom pada 15 hingga 17 Oktober lalu. "Pada pameran yang sama, Carta RS telah menerima pingat emas yang kedua selepas yang pertama di Pameran Antarabangsa Reka Cipta, Inovasi, Reka Bentuk Industri dan Teknologi (ITEX) ke-19," jelas beliau.



Prof. Dr. Roslan Zainal Abidin bersama Badiah Sujak menunjukkan kalkulator dan carta ukuran tahap risiko tanah runtu yang dicipta mereka di UiTM Shah Alam, semalam.

**10/11/2008 (Isnin)**

## **Kerajaan puas hati projek Empangan Triang**

SEREMBAN Kerajaan negeri berpuas hati dengan pelaksanaan projek pembinaan Empangan Triang di Kuala Klawang, Jelebu yang membabitkan kerja menggerudi dan membina terowong sejauh 12.5 kilometer.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi negeri, Datuk Ismail Lasim berkata, pembinaan terowong itu membabitkan jarak dari Kampung Jambatan Serong di Jelebu hingga Ngori-Ngori, Pantai dekat sini.

Kata beliau, kerajaan negeri juga yakin projek fasa pertama empangan itu yang bernilai RM125 juta akan dapat disiapkan seperti yang dijadualkan.

Menurut Ismail, kerja menggerudi yang dijalankan oleh kontraktor Zecon Water Corporation Sdn. Bhd. di bahagian Kampung Jambatan Serong sudah siap dan hanya tinggal di bahagian Ngori-Ngio, Pantai, yang dijangka disempurnakan pada tahun hadapan.

"Mengikut pelan pelaksanaannya, selain kerja menggerudi dan membina terowong penyaluran bergaris pusat 3.5 meter X 12.5 kilometer panjang, fasa pertama projek itu juga turut melibatkan pembinaan beberapa komponen empangan.

"Ini termasuklah komponen empangan setinggi 66 meter, membina jalan masuk sejauh 7.5 kilometer dan sebuah muka sauk serta stesen pengepam air mentah di Petaseh," katanya di sini baru-baru ini.

Katanya, melalui makluman yang diberikan oleh kontraktor, projek fasa pertama ini akan dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada tahun 2010 bagi menampung bekalan air bersih kepada penduduk daerah Seremban dan Port Dickson, sekali gus mengatasi keputusan bekalan itu pada masa krisis.

"Kita berharap dengan pelaksanaan itu nanti, ia akan dapat memberikan kemudahan yang lebih baik kepada pengguna," kata beliau sewaktu mengadakan lawatan di tapak projek berkenaan.

Tambah beliau, projek pembinaan empangan itu yang membabitkan kos ratusan juta ringgit akan dilaksanakan dalam empat fasa bagi menyokong fungsi Empangan Sungai Terip yang kini menjadi punca utama bekalan air di daerah Seremban.

**11/11/2008 (Selasa)**

### **Perak keluar garis panduan untuk kurangkan perbelanjaan awam oleh jabatan**

IPOH 11 Nov. — Kerajaan Perak mengeluarkan Pekeliling Kewangan Negeri iaitu garis panduan bagi perbelanjaan secara berhemah dan langkah mengurangkan perbelanjaan awam yang perlu dipatuhi oleh setiap jabatan berkenaan.

Menteri Besar Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, antara kandungan pekeliling itu ialah kawalan elauan lebih masa bagi kakitangan kerajaan negeri, penjimatan ulitili seperti arahan menutup lampu ketika rehat, waktu pemasangan pendingin hawa dan penggunaan bekalan pejabat seperti kertas dan pembelian surat khabar.

“Cadangan pengubahsuaian pejabat atau penyewaan bangunan pejabat baru dan lawatan sambil belajar atau lawatan keluar negara yang berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu kontrak dan projek perlu mendapat kelulusan pegawai kewangan negeri,” katanya ketika menjawab soalan S.Kesavan (PKR-Hutan Melintang) pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Tanpa menyebut tarikh pekeliling itu dikeluarkan, beliau berharap ia dapat membantu jabatan melaksanakan langkah perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat.

Jumlah penjimatan yang dapat dikurangkan adalah perbelanjaan sambutan kemerdekaan iaitu RM1.1 juta pada tahun ini berbanding perbelanjaan RM2.6 juta pada tahun lepas semasa Perak di bawah kerajaan Barisan Nasional, katanya. – Bernama.

**11/11/2008 (Selasa)**

## **Hampir RM1j kos tanam bakau**

Oleh KAMIL MASLIH



Sebahagian pelajar menanam anak pokok bakau sempena kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Persisiran Pantai Negara 2008 peringkat negeri Johor di Tanjung Piai, Pontian, semalam.

---

PONTIAN 11 Nov. - Kerajaan memperuntukkan RM950,000 bagi program penanaman semula hutan pokok bakau di kawasan seluas 42.6 hektar di seluruh negeri Johor pada tahun ini yang bertujuan sebagai penampang sebarang ancaman bencana tsunami.

Pengarah Perhutanan Johor, Zulkefli Mohktar berkata, pihaknya giat melaksanakan penanaman semula itu dari semasa ke semasa dengan tahun lalu ia melibatkan kawasan sebanyak 30 hektar.

"Bagi penanaman semula pokok-pokok bakau pada tahun ini, kami telah mendapat peruntukan sebanyak RM600,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan RM350,000 daripada kerajaan negeri. Ini adalah peningkatan daripada segi peruntukan memandangkan tahun lalu kami mendapat peruntukan RM400,000 daripada Kerajaan Persekutuan dan RM300,000 daripada kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 peringkat negeri Johor di Taman Negara Johor Tanjung Piai, di sini hari ini. Program berkenaan berjaya menghimpun lebih 60 pelajar sekolah dari Johor Bahru dalam mempergiatkan penglibatan masyarakat untuk bersama-sama menjaga kepentingan hutan pokok bakau.

Menurut Zulkefli, selain daripada penampang bencana tsunami, hutan bakau juga berpotensi meningkatkan pembiakan hidupan marin sekali gus menyumbang pendapatan kepada golongan nelayan. "Bagi negeri Johor, tumpuan dalam penanaman hutan bakau ini adalah bagi kawasan di pantai barat dan kami bukannya buat selapis malah berlapis-lapis. "Pelbagai spesies pokok telah ditanam semula dan ia merangkumi spesies pokok bakau minyak, bakau kurap dan pokok api-api," katanya.

Beliau memberitahu, dari semasa ke semasa, pihaknya menjalin kerjasama erat dengan pelbagai jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam memulihara hutan bakau.

**11/11/2008 (Selasa)**

### **DBKL tahu banyak pemaju langgar syarat masa**

KUALA LUMPUR 11 Nov. - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyedari ada pemaju yang melanggar peraturan dengan melaksanakan kerja-kerja pembinaan selepas waktu yang ditetapkan.

Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup berkata, pihaknya akan memantau dengan lebih kerap aktiviti pemaju terbabit memandangkan masalah berkenaan semakin kerap berlaku terutama di sekitar kawasan pinggir ibu negara. Menurutnya, pemaju-pemaju yang melanggar peraturan berkenaan bakal dikenakan tindakan tegas oleh DBKL.

"Masalah pemaju yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di luar waktu yang telah ditetapkan iaitu bermula pukul 8 pagi hingga 6 petang sering berlaku di banyak kawasan dan bukannya di Taman Melati sahaja. "Bagi mengatasi masalah ini, DBKL akan memberi notis amaran dan jika mereka masih berdegil, mereka akan diberi notis pemberhentian kerja serta-merta," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Salleh berkata, setakat ini, DBKL tidak membenarkan mana-mana pemaju menjalankan kerja-kerja pembinaan melebihi masa yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, jelasnya, sekiranya kawasan pembinaan tersebut di luar kawasan penempatan orang ramai, kerja-kerja pembinaan di luar waktu boleh dipertimbangkan.

"Sekiranya sesebuah projek pembinaan dijalankan di kawasan komersial dan jauh daripada penempatan, maka DBKL sedia menimbangkan permintaan untuk kerja di luar waktu yang ditetapkan bagi mempercepatkan projek itu disiapkan. "Namun sekiranya projek berkenaan berada berhampiran di kawasan penempatan, mereka tidak dibenarkan sama sekali menjalankan sebarang aktiviti pembinaan selepas pukul 6 petang," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, DBKL akan cuba mencari jalan penyelesaian terhadap aduan penduduk sebuah kondominium di Taman Melati apabila berhadapan dengan pemaju yang menjalankan kerja-kerja pembinaan di luar waktu yang ditetapkan sehingga mengganggu ketenteraman mereka.

"DBKL akan mengadakan perbincangan bersama-sama pemaju dan penduduk untuk menyelesaikan masalah terbabit dengan secepat mungkin. "Saya harap penduduk bersabar dan pemaju perlulah mengikuti arahan yang telah ditetapkan sementara keputusan dicapai," ujarnya.

**11/11/2008 (Selasa)**

## **PBT masih dibenar atur lawatan ke luar negara**

KOTA BHARU 11 Nov. - Kerajaan negeri masih membenarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara walaupun ia mengambil pendekatan perbelanjaan secara berhemat dan berjimat cermat.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, kebenaran tersebut hanya kepada PBT yang memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan. Beliau berkata, ciri-ciri tersebut adalah seperti mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dan menunjukkan prestasi terbaik dalam perkhidmatan pada setiap tahun.

"Kita melihat lawatan sambil belajar dari sudut yang positif, setiap PBT yang pergi ke luar negara perlu menyediakan laporan terperinci seperti hasil dan apakah idea baru yang boleh diterjemahkan dan dilaksanakan di sini.

"Sebagai contoh ada satu PBT yang baru balik dari Hong Kong, maklum balas yang saya dapat dari Yang Dipertua PBT itu amat baik, mereka dapat belajar banyak benda baru," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kecenderungan beberapa PBT untuk terus membawa rombongan melakukan lawatan ke luar negara termasuk Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM). Takiyuddin berkata, ia tidak melibatkan jumlah wang yang besar kerana PBT terbabit hanya menanggung sebahagian daripada kos manakala selebihnya ditanggung sendiri oleh peserta rombongan.

"Jika kedudukan kewangan PBT tidak stabil sebagai contoh tidak mampu untuk membayar gaji, kita tidak akan membenarkan mereka mengadakan lawatan. "Saya tegaskan di sini jika terdapat PBT yang gagal laksanakan tanggungjawab mereka, kita tidak akan membenarkannya," katanya.

Dalam pada itu, Yang Dipertua MDTM, Mohd. Faudzi Che Mamat manafikan dakwaan kononnya pihaknya sedang merancang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Australia. Menurut beliau, pihaknya memang ada perancangan untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara bagaimanapun ia masih belum ditetapkan lagi.

"Memang pada tahun lepas kita ada membuat lawatan ke China tetapi ia menggunakan peruntukan 2006, kerajaan negeri memberikan kebenaran kepada Ahli Majlis untuk melawat negara luar setiap dua tahun sekali.

"Tahun ini kita tidak putuskan lagi ke mana. Bagi saya tidak menjadi masalah untuk Ahli-Ahli Majlis mengikuti lawatan sambil belajar kerana ia akan memberikan pendedahan kepada mereka tentang banyak perkara," katanya.

Katanya, kedudukan kewangan MDTM amat baik dan jumlah simpanan tetap yang dimiliki oleh PBT tersebut ialah RM2 juta. Tambahnya, jumlah hasil yang diperoleh pada tahun ini juga meningkat, contohnya, hasil kutipan bayaran meletak kereta telah meningkat kepada RM50,000 sebulan berbanding hanya RM30,000 tahun lepas.

"Jadi ia jelas menunjukkan kedudukan kewangan kita tidak bergantung kepada ekonomi negara dan sumbangan Ahli Majlis juga amat besar dalam meningkatkan hasil kita berbanding elau yang diperoleh sebanyak RM400 sebulan," katanya.

**12/11/2008 (Rabu)**

### **Syarikat pertanian dituduh cemari alam sekitar Lojing**

GUA MUSANG 12 Nov. — Sebuah syarikat agro pertanian hari ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini kerana dituduh menyebabkan pencemaran alam sekitar di tanah tinggi Lojing di sini pada Januari tahun lepas.

Syarikat Liquid Gold Sdn Bhd, yang diwakili pengurus projeknya, Ainul bin Izmi, mengaku tidak bersalah dan meminta untuk dibicarkan apabila pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Asmadi Hussin. Syarikat itu diwakili peguam Rozita Zahari manakala pendakwaan dijalankan oleh pegawai pendakwa dari Jabatan Alam Sekitar Mohd Ridhwan Ramli.

Mengikut kertas pertuduhan, syarikat yang beribu pejabat di Kota Baharu itu terlibat dalam aktiviti pengubahan penggunaan tanah hutan bukit kepada kegunaan tanah lain meliputi kawasan 50 hektar atau lebih, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling sebagaimana yang dikehendaki mengikut Seksyen 34A(6) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada pukul 2.30 petang 29 Jan 2007 di Lot Pt 5326 dan Lot Pt 5327 dan Lot Pt 5328 di Lojing, di sini. Jika sabit kesalahan, pemilik syarikat itu boleh dikenakan denda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali. Mahkamah menetapkan 17 Dis ini untuk perbicaraan. Syarikat itu merupakan yang pertama didakwa oleh JAS berhubung tuduhan menyebabkan pencemaran di Lojing.

Pengarah JAS Kelantan Mokhtar Abdul Majid sebelum ini dilaporkan berkata tindakan sama mungkin dikenakan terhadap beberapa lagi syarikat yang melakukan pencemaran dan kerosakan di kawasan itu sejak beberapa tahun lalu.

— BERNAMA

**12/11/2008 (Rabu)**

## **Tiada cadangan serah KTMB kepada Petronas atau Khazanah Nasional**

KUALA LUMPUR 12 Nov. — Kerajaan tidak bercadang menyerahkan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kepada Petronas atau Khazanah Nasional, kata Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Lajim Ukin.

Beliau berkata, kerajaan tidak berhasrat berbuat demikian memandangkan fungsi KTMB lebih kepada memberi perkhidmatan kepada masyarakat berbanding Petronas yang berperanan mencari keuntungan.

“Kita tidak beri kepada Petronas atau Khazanah Nasional kerana kita mahu menyediakan perkhidmatan kepada rakyat terutama kepada negeri Kelantan dan negeri-negeri yang terlibat dengan penggunaan KTMB,” katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini ketika menjawab soalan Datuk Kamarudin Jaffar (Pas-Tumpat). - Bernama

**13/11/2008 (Khamis)**

## **Impak Alam - Pemuliharaan ikan terancam di Tasik Temenggor**

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

Sejarah menunjukkan permulaan tamadun agung manusia berkembang di kawasan penempatan penduduk di sepanjang sungai yang menjadi nadi perhubungan utama ketika itu. Kawasan di sekitar sungai suatu ketika dahulu menjadi satu penempatan meriah yang sentiasa sibuk dengan pelbagai urusan orang ramai.

Bagaimanapun, apabila penempatan manusia semakin padat, kawasan di sekitar sungai berkenaan akan menjadi kotor dan tercemar angkara kedangkan pemikiran manusia yang suka membuang sisa-sisa ke dalam sungai tanpa berfikir panjang.

Apabila ini berlaku, kehidupan akuatik yang hidup di sana semakin hari semakin berkurangan akibat pencemaran dan mungkin juga diancam dengan kepupusan. Jika masalah tersebut tidak diberikan perhatian segera, mungkin satu hari nanti generasi akan datang tidak lagi dapat melihat kepelbagaian biodiversiti negara.

Justeru, sebuah syarikat harta tanah terkenal, Kumpulan Emkay menjalankan program memulihara alam sekitar bagi menyambut saranan kerajaan dan sumbangan sosial kepada



Pembangunan Pulau Banding sebagai gerbang alam semula jadi dunia bakal meletakkan hutan hujan di kawasan itu sebagai Warisan Dunia.

masyarakat. Bermula dengan membangunkan Pulau Banding sebagai Gerbang Alam Semula Jadi tertua di dunia, Kumpulan Emkay melangkah setapak lagi dengan melibatkan diri dalam kajian pemuliharaan dan pengekalan spesies ikan di Tasik Temenggor.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustafa Kamal Abu Bakar berkata, semua usaha ini merupakan tanggungjawab sosial syarikatnya kepada masyarakat. Kajian itu dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) selama tiga bulan dengan kerjasama penyelidik dari Mississippi State University, Prof. Dr. Donald Jackson. "Kajian berkenaan dijalankan bertujuan memulihara dan melindungi ikan-ikan yang terancam di negara ini," katanya.

Mustafa menambah, kajian yang unik itu bakal memulihara spesies ikan yang hanya terdapat di Tasik Temenggor yang tidak ternilai. Kajian yang dijalankan di 12 batang sungai meliputi pelbagai aspek termasuk kajian air, perebakan alga dan populasi ikan. Hasil daripada kajian berkenaan, kumpulan saintis mendapati cuma tiga batang sungai yang sesuai untuk tujuan pemuliharaan. "Tujuan utama kami adalah untuk menyelamatkan populasi ikan yang semakin pupus setiap tahun," katanya.

Bagaimanapun, kawasan yang dipelihara adalah kawasan tadahan air yang masih terbuka kepada orang ramai. Bagi memulihara haiwan akuatik yang terancam, saintis memerlukan data saintifik seperti anggaran populasi, habitat dan sistem sungai yang bergantung kepada kawasan tadahan hujan. Tetapi secara tidak langsung apabila ikan dilindungi, sistem sungai akan lebih sihat dan ikan boleh dijadikan sebagai penunjuk biologi.

Pakar ikan air tawar dari Universiti Mississippi State, Jackson berkata, kajian perikanan penting bagi memulihara sungai dan tasik demi menyelamatkan spesies ikan, sistem ekologi dan sumber untuk generasi masa depan. "Misalnya bagaimana mendapatkan air daripada tasik dan sungai? Atau apa akan jadi jika tasik atau sungai mempunyai banyak lumpur? Atau berapa lama kawasan berkenaan dapat dipulihkan? "Kita perlu melihat bagaimana generasi akan datang pula mendapat faedah daripada program-program konservasi yang dijalankan," katanya.

Beliau yang menjalankan penyelidikan secara bersama menambah kajian yang dilakukan bukan hanya untuk rakyat Malaysia tetapi juga untuk masyarakat di seluruh dunia. Jackson berkata, kesedaran awam di negara ini boleh dikatakan tinggi kerana kebanyakan mereka sedar mengenai konservasi. "Daripada 10 orang yang saya temui, lapan daripadanya tahu mengenai alam sekitar dan kepentingannya," katanya.

Katanya, justeru dengan program pemuliharaan yang betul, negara dapat memulihara habitat spesies terancam seperti kelah, temoleh, tengas dan seterusnya membina niche yang bersifat simbiosis.

Penyertaan NGO. Ketua kumpulan penyelidikan, Profesor Dr. Mashhor Mansor berkata, kajian yang dijalankan menjurus kepada usaha mengenalpasti habitat yang sesuai bagi mewujudkan sebuah kawasan perlindungan atau santuari khusus untuk spesies kelah dan temoleh. "Menerusi kajian yang dijalankan, sebanyak 12 kawasan berpotensi telah dikaji tetapi hanya

tiga buah tempat telah dikenalpasti sebagai tempat paling sesuai iaitu Sungai Enam, Sungai Sooh dan Sungai Kejar," katanya.

Wakil Yayasan Pulau Banding, Dr. Daniel Baskaran berkata, konservasi amat penting di negara ini memandangkan kekayaan dalam kepelbagaiannya biologi. "Sebagai rakyat Malaysia, kita sama-sama bertanggungjawab mengembalikannya kepada generasi baru. "Setakat ini sebuah pusat penyelidikan telah didirikan dengan pelbagai kemudahan bagi tujuan penyelidikan," katanya.

Satu program integrasi yang melibatkan Orang Asli, saintis dan orang ramai juga telah diusahakan bagi mengawal dan mengekalkan tahap kesedaran mengenai alam. Misalnya program pemuliharaan ikan kelah akan melibatkan pelbagai pihak seperti Kumpulan Emkay, saintis dan Orang Asli. Di sana, saintis akan bertindak sebagai penyelidik, Kumpulan Emkay sebagai pelaksana dan Orang Asli akan dilatih untuk memelihara ikan kelah yang telah menjadi kepunyaan mereka.

**13/11/2008 (Khamis)**

## **Tender terbuka swasta majukan tanah kerajaan**

Oleh DALIZA ARIFFIN

KUALA LUMPUR 13 Nov - Kerajaan akan menawarkan tender terbuka kepada sektor swasta untuk memajukan tanah milik kerajaan yang belum dibangunkan. Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (**gambar**) berkata, langkah menjana pendapatan daripada aset kerajaan itu merupakan pendekatan lain yang dilaksanakan untuk memperolehi hasil dari jualan tender. Pada masa yang sama, ia juga bertujuan untuk mempercepatkan lagi pembangunan di sesuatu kawasan milik kerajaan yang melibatkan syarikat swasta, kata beliau.

"Kerajaan akan membuat cadangan kepada sektor swasta bagi membangunkan sesuatu kawasan tanah, sebagai contoh membangunkan hospital dan ini akan dilakukan secara berperingkat-peringkat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Persidangan Cukai Asia Pasifik Satu Cukai Yang Berkesan, di sini hari ini. Nor Mohamed menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika menyampaikan ucapan penggulungan Bajet 2009 di Parlimen, baru-baru ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan telah mengenalpasti aset-aset dalam bentuk tanah yang strategik untuk dibangunkan bagi memaksimumkan pulangan daripada semua aset sedia ada kerajaan. Dalam masa yang sama, pendekatan itu bertujuan untuk

menjana pendapatan tambahan kepada kerajaan dan merancakkan lagi kegiatan ekonomi tempatan.

Antara aset yang dijangka terbabit dalam perancangan itu ialah tanah kerajaan di Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh, Selangor dan tanah milik kerajaan di Jalan Cochrane dan Jalan Ampang Hilir, di sini. Diminta mengulas mengenai kelonggaran syarat yang diberikan kepada syarikat yang merancang untuk disenaraikan di Bursa Malaysia tetapi penyertaan ekuiti bumiputera kurang 30 peratus, beliau berkata, ia bertujuan untuk menghapuskan ketidakpastian di kalangan syarikat yang ingin mengapungkan sahamnya di pasaran tempatan tetapi masih belum memenuhi kuota tersebut.

"Langkah itu memberikan fleksibiliti dan apa yang penting pada pendapat saya ialah ia akan memberikan satu kepastian. "Anda tidak perlu risau mengenai ekuiti Bumiputera 30 peratus itu kerana kita mempunyai cara untuk menangani isu ini," katanya.

**13/11/2008 (Khamis)**

### **Penduduk minta henti korek batu sungai elak hakisan**

KENINGAU 13 Nov. - Penduduk Kampung Pampang, di sini meminta sebuah syarikat yang terbabit mengorek batu sungai di kampung itu supaya segera menghentikan kegiatan tersebut bagi mengelak hakisan tebing.

Pemimpin Kemajuan Rakyat Kawasan Liawan, Rosdi Padiman, 50, berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk bahawa syarikat berkenaan mengangkut batu yang dikorek di sungai itu untuk menimbus tanah di kawasan lain. Beliau berkata, tindakan itu jika dibiarkan akan menjelaskan keselamatan penduduk kerana berlaku hakisan dan akhirnya banjir mudah berlaku.

"Adalah tidak wajar bagi syarikat berkenaan mengorek dan mengangkut batu di sungai itu kerana kita mendapat maklum ia dilakukan tanpa kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya selepas membuat tinjauan di Sungai Pampang semalam.

Menurut Rosdi, masalah itu telah dibangkitkan pada Mesyuarat Tindakan Daerah baru-baru ini dan JPS sendiri memberitahu bahawa tidak ada kelulusan diberikan kepada syarikat berkenaan untuk mengorek batu di situ. Justeru itu katanya, syarikat itu perlu menghentikan perbuatan tersebut untuk kebaikan bersama.

Sementara itu seorang penduduk, Kasmat Jan, 45, meminta pihak yang berkuasa agar segera campur tangan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Katanya, mereka telah berusaha menghubungi pihak pengurusan syarikat terbabit untuk menyelesaikan masalah itu namun mereka enggan berjumpa dengan penduduk kampung.

Menurut Kasmat, tindakan syarikat itu mengorek batu di tebing sungai bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk kampung dengan risiko banjir tetapi juga menjelaskan pengairan sawah penduduk di Kampung Kadalakan dan yang berdekatan. "Ia juga telah menyebabkan kerosakan pada struktur jambatan gantung yang satu-satunya jalan pintas penduduk ke pekan Keningau," ujarnya.

**14/11/2008 (Jumaat)**

### **Prestasi penyata kewangan agensi kerajaan dapat Sijil Audit Bersih**

SEREMBAN 14 Nov. - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berpuas hati dengan prestasi penyata kewangan agensi-agensi kerajaan negeri yang hampir kesemua daripadanya berjaya memperoleh Sijil Audit Bersih.

Kata beliau, prestasi membanggakan itu diperoleh selepas teguran dibuat terhadap penyata kewangan yang dihantar oleh agensi-agensi kerajaan negeri berkenaan. Menurutnya, penyata kewangan agensi-agensi kerajaan negeri terabit telah dikemaskini yang mana akhirnya telah mendapat pengiktirafan dan ditandatangani oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang.

"Alhamdulillah, boleh dikatakan lebih 90 peratus penyata kewangan agensi kerajaan telah mendapat Sijil Audit Bersih yang diiktiraf dan ditandatangani oleh Ketua Audit Negara. "Ini merupakan satu perkara yang amat baik kerana agensi kerajaan telah mengambil kira semua teguran yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara bagi mengemaskinikan semua laporan yang dihantar serta mengikut prosedur penetapannya," jelas beliau.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan prapersidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Wisma Negeri di sini semalam. Kata Mohamad, pada pra persidangan itu anggota Dewan telah mengadakan banyak perbincangan mengenai penyata kewangan yang akan dibentang pada sidang Dewan Undangan Negeri kali ketiga hujung bulan ini untuk diluluskan oleh Dewan bagi diwartakan.

"Pengiktirafan oleh Ketua Audit Negara merupakan sesuatu yang membanggakan kerana sebelum ini dan beberapa tahun yang lalu, terdapat banyak agensi kerajaan negeri yang diberi teguran kerana penyata kewangan tidak kemas.

"Tahun ini, semua agensi kerajaan dan badan berkanun di negeri ini telah dapat menutup kira-kira akaun mereka serta diluluskan penyata kewangan untuk tahun 2007," jelas Mohamad.

Justeru, kata beliau, tidak ada lagi akaun yang tertangguh sebelum tahun 2007 dan ini merupakan satu berita yang cukup menggembirakan kerajaan negeri. "Kita telah membuat dasar di negeri ini yang mana semua akaun agensi masing-masing hendaklah ditutup setiap tahun pada Mac dan diaudit sekurang-kurangnya pada Mei ataupun Jun depan," ujar beliau.

**15/11/2008 (Sabtu)**

## **Belum masa UiTM dibuka kepada bukan bumiputera**

PETALING JAYA 15 Nov. - Masanya belum tiba untuk Universiti Teknologi Mara (UiTM) dibuka kepada bukan bumiputera kerana sasaran 30 peratus penyertaan bumiputera dalam bidang industri di peringkat profesional dan separa profesional masih belum tercapai, kata pengarah pertama institut itu, Tan Sri Dr. Arshad Ayub.

Beliau berkata, pihak yang menggesa agar kuota pelajar UiTM dibuka kepada bukan bumiputera perlu menghayati terlebih dahulu tujuan asal penubuhan institusi itu yang berlandaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Kemudian kita tanya sudahkah kita mencapai tujuan asal, tujuan pokok? Kalau tanya saya, belum lagi tercapai, belum dapat dicapai sepenuhnya, sungguhpun angka bertambah, tetapi kalau kita tengok peratus, masih lagi kurang," katanya selepas pelancaran autobiografinya berjudul *A Second Chance: Life and Mission of Arshad Ayub* di UEM Leadership Centre di sini hari ini.

Katanya, walaupun ramai bumiputera telah membuktikan kebolehan mereka menerajui sesebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC), namun penyertaan bumiputera dalam syarikat bukan GLC dan multinasional masih kurang dan tidak mencapai sasaran 30 peratus.

"Jadi DEB bukan sahaja perlu diteruskan tetapi peluang untuk bumiputera menjakkan langkah bagi mendapat peluang pekerjaan dalam industri di peringkat profesional dan separa profesional perlu terus dibuka," katanya.

Beliau berkata, isu penyertaan bukan bumiputera di UiTM tidak perlu diperbesarkan kerana mereka berpeluang untuk memasuki institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini.

"Kita tak payahlah nak sibukkan pasal ini, sebabnya universiti lain pun ada juga. Tempat itu sudah ada, bukan tidak dapat masuk, cuma barangkali tidak dapat masuk UiTM sahaja.

"Kalau kita nak katakan (kuota perlu dibuka) dari segi *racial harmony* (keharmonian kaum), takkanlah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah iaitu selama sepuluh tahun masih tak ada *racial harmony*," katanya.

- Bernama.

**15/11/2008 (Sabtu)**

### **Minta peruntukan khas bina longkang elak banjir**

KUALA TERENGGANU 15 Nov. - Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) disarankan agar menyediakan peruntukan khas untuk pembinaan longkang dan sistem perparitan di beberapa kawasan perumahan yang mudah ditenggelami air di Gong Badak dekat sini.

Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Mohd. Nasir Tan Seri Ibrahim Fikri berkata, ini penting kerana sebahagian besar kawasan perumahan itu tidak mempunyai sistem longkang atau perparitan bagi membolehkan air mengalir sekiranya berlaku hujan lebat atau banjir.

Menurut beliau, sepatutnya sebelum meluluskan pembinaan projek kediaman atau unit kedai, pihak berkuasa perlu memastikan pemaju menyediakan sistem perparitan yang baik. "Kawasan yang rendah memungkinkan ia mudah ditenggelami air apabila hujan lebat, jadi satu peruntukan khas perlu disalurkan bagi memastikan lebih banyak longkang besar atau longkang didirikan di kawasan terbabit. "Projek pembangunan seharusnya mengambil kira kebijakan penduduk setempat manakala pihak berkuasa pula hendaklah menyediakan kemudahan mencukupi," katanya.

Mohd. Nasir yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus menyatakan demikian kepada *Mingguan Malaysia* selepas melakukan lawatan beberapa kawasan mudah ditenggelami air sekitar Gong Badak dekat sini hari ini.

Beliau mahu kerja-kerja membaik pulih sebatang jalan di Kampung Tok Man, Gong Badak dekat sini yang rosak teruk akibat hujan lebat kelmarin dilakukan segera.

Beliau berkata, kerja-kerja membaik pulih jalan tersebut perlu dilakukan segera kerana ia menjadi laluan utama penduduk ke jalan utama. "Akibat hujan lebat kelmarin, kalbot yang dibina merentangi parit di tepi jalan besar menghala Kampung Tok Man pecah dan hampir 60 penduduk tidak dapat keluar masuk," katanya.

**16/11/2008 (Ahad)**

### **Zeti anggotai pasukan petugas PBB kaji reformasi sistem ekonomi dunia**

KUALA LUMPUR 16 Nov. – Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik menganggotai Pasukan Petugas peringkat tertinggi yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengkaji kemungkinan mewujudkan reformasi sistem kewangan global, termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia susulan krisis kewangan dunia semasa.

Zeti telah memegang jawatan Gabenor Bank Negara sejak 2000 dan merupakan wanita tunggal di Asia dan hanya beberapa orang wanita di dunia yang menduduki jawatan tertinggi bank pusat.

Presiden Perhimpunan Agung PBB, Miguel Descoto, yang mengumumkan anggota penuh pasukan petugas yang dibentuknya itu berkata, Joseph Stiglitz, yang menerima Anugerah Nobel bagi Ekonomi pada 2001 yang juga bekas Ketua Ekonomi Bank Dunia, akan mempengerusikan panel itu yang dikenali sebagai Suruhanjaya Pakar-pakar Reformasi Sistem Kewangan dan Monetari Antarabangsa.

“Pasukan Petugas itu akan mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh negara anggota bagi menjamin kedudukan ekonomi global yang lebih stabil,’ katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh perkhidmatan berita PBB. — Bernama

**16/11/2008 (Ahad)**

## **Pasar Sri Serdang daif**

Oleh NOR AZAN FITRI AHMAD HIDZIR



TUNGGU MASA... Keadaan pasar Taman Sri Serdang yang uzur, sempit dan kotor menjadikannya tidak sesuai lagi berfungsi sebagai pasar.  
- Gambar SHIDDIEQIIN ZON

---

SERDANG 16 Nov. - Entah di mana silapnya, pasar baru di Jalan Sri Serdang Utama di sini yang sudah siap sepenuhnya sejak beberapa bulan lalu, sehingga ke hari ini masih dibiarkan kosong tanpa peniaga.

Kerja-kerja pembinaan pasar baru itu bermula pada bulan Ogos tahun lalu dan secara fizikalnya, ia telah siap tetapi peniaga di pasar Taman Sri Serdang yang sepatutnya berpindah ke situ, masih terus berniaga di pasar lama yang sangat daif, uzur, sempit dan kotor sehingga kini.

Kebanyakan peniaga mengeluh kerana terpaksa terus mencari rezeki di bawah deretan gerai kayu berbumbung zink yang uzur dan sudah tidak sesuai untuk digunakan sebagai pasar lagi.

Deretan gerai usang yang berusia lebih daripada 20 tahun itu juga serba kekurangan dalam semua perkara menyebabkan para peniaga dan orang ramai terpaksa berurusan dalam keadaan yang sangat tidak selesa. Kekurangan dan keuzuran gerai-gerai tersebut juga mengundang pertanyaan kepada orang ramai sama ada struktur bangunan tersebut masih kukuh untuk terus berfungsi sebagai sebuah pasar.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, keadaan pasar itu terutamanya pondok yang menjadi tempat berniaga para peniaga berada dalam keadaan yang cukup daif dan hanya menanti masa untuk menyembah ke bumi. Difahamkan, para peniaga di situ terpaksa menggunakan peruntukan sendiri untuk menyelenggara pasar dan kawasan itu menyebabkan ada di antara peniaga di situ yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Akibat kesempitan hidup yang dialami dan tidak pernah mendapat bantuan daripada mana-mana pihak, ada di antara peniaga di pasar berkenaan terpaksa menjadikan tempat mereka berniaga itu sebagai rumah mereka.

Pada masa yang sama, ada juga penduduk yang merungut kerana kawasan persekitaran pasar berkenaan yang tidak begitu bersih dan memberi kesan kepada mereka yang tinggal di kawasan berhampiran. Kedudukan pasar itu yang begitu hampir dengan sebuah loji kumbahan juga menyebabkan orang ramai sangsi dengan kebersihan makanan serta bahan-bahan yang dijual di pasar berkenaan.

Tambahan pula, pasar berkenaan tidak diselenggara dengan sempurna kerana segala urusan pembersihan dilakukan sendiri oleh para peniaga dan mereka pula tidak mempunyai sumber kewangan yang besar. Di samping itu, kedudukan gerai yang terlalu rapat antara satu sama lain menyebabkan keadaan di situ menjadi sesak sehingga tiada ruang untuk mereka meletakkan barang-barang perniagaan secara teratur. Selain itu, ada di antara peniaga di pasar tersebut menjadikan ruang berniaga sebagai tempat meletak reban ayam dan mereka turut memproses ayam di situ sebelum dijual kepada orang ramai.

### **Terkenal**

Tidak hairanlah jika pasar tersebut sememangnya terkenal dengan jolokan pasar ayam kerana ayam yang dijual di pasar tersebut sememangnya segar dan diproses sepenuhnya di pasar berkenaan. Tetapi apa yang merunsingkan penduduk setempat ialah kebersihan kawasan tersebut, kesan daripada kerja-kerja memproses ayam di situ. Kerja memproses ayam menghasilkan banyak bahan buangan dan tanpa penyelenggaraan yang sempurna, bahan buang itu mudah menyebabkan longkang tersumbat.

Perkara itu memang tidak dapat dinafikan dan longkang di pasar itu sudah tersumbat teruk sehingga menyebabkan kawasan sekitarnya berbau busuk. Lebih teruk lagi, apabila hujan turun, air dari longkang tersebut akan melimpah dan mengotori kawasan berhampiran dengan pelbagai lendir dan kekotoran.

Seorang penduduk, **Zainal Mohd. Arshad**, 66, berkata, pasar tersebut juga sering menyebabkan kawasan perumahan itu sesak kerana pasar itu tidak mempunyai tempat meletak kenderaan. Katanya, pengunjung ke pasar itu terpaksa meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan menyebabkan laluan di situ hanya tinggal satu lorong.

"Keadaan ini bertambah buruk apabila waktu pagi kerana orang ramai berebut-rebut untuk keluar bekerja dan pada sebelah tengah hari pula, orang ramai keluar makan atau melakukan urusan yang lain. "Ini kerana di dalam pasar berkenaan terdapat juga kedai makan dan kedai gunting rambut," keluhnya yang semakin bosan kerana terpaksa berdepan dengan kesesakan setiap hari.

Zainal berharap agar Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menyegearkan pemindahan peniaga pasar itu ke pasar yang baru itu dengan segera supaya semua masalah itu dapat diselesaikan. Katanya, selepas dipindahkan, pasar lama itu wajar dirobohkan supaya penduduk dapat hidup lebih selesa, tiada lagi pemandangan yang kurang cantik dan peniaga pula dapat berniaga dalam keadaan lebih teratur," katanya.

**16/11/2008 (Ahad)**

## **MBFNS wajar mendapat pengiktirafan pengurusan Felda**

JEMPOL 16 Nov. - Penubuhan Majlis Belia Negeri Sembilan (MBFNS) wajar mendapat pengiktirafan daripada pihak pengurusan Felda dalam usaha menjenamakan belia di kawasan berkenaan daripada bermasalah kepada berdaya maju.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, sudah sampai masanya suara belia mendapat perhatian pihak pengurusan dan kewujudan MBFNS merupakan satu batu loncatan untuk menyaksikan gagasan belia didengari di peringkat luar.



MOHAMAD Hasan melancarkan program Jom Masuk Kampung di Padang Awam Felda Palong 5, Negeri Sembilan, semalam.

"Kerajaan negeri menyokong penuh penubuhan MBFNS dan berharap ia mendapat pengiktirafan pihak pengurusan Felda dan pada masa yang sama mampu bekerja sama mencari formula untuk mengelak kekusutan terhadap label negatif itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohamad berkata demikian selepas melancarkan program 'Jom Masuk Kampung' di Padang Awam Felda Palong 5 di sini hari ini yang turut dihadiri Penggerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Modal Insan, Belia dan Sukan Negeri, Abdul Samad Ibrahim. Beliau menjelaskan, belia Felda juga hendaklah berusaha supaya tanggapan masyarakat luar yang meletakkan status negatif kepada mereka perlu dikikis dan mewujudkan senario yang lebih sihat supaya mereka

diiktiraf semua pihak. "Kita mahu belia Felda keluar daripada kepompong tersebut. Ubah tanggapan negatif ini dan jadilah yang terbaik. "Saya tidak hanya bercakap kepada belia tetapi juga kepada masyarakat Felda kerana mereka juga golongan yang menentukan penarafan belia ini daripada kaca mata masyarakat luar," tegas Mohamad.

Sehubungan itu, beliau mahu belia Felda lebih agresif membentuk jati diri dan menjadi contoh kepada generasi luar dengan menjana pendapatan, usaha dan harapan agar setanding dengan belia lain. Mengenai penubuhan MBFNS, Mohamad berharap pihak pengurusan kawasan Felda lebih bersikap terbuka dalam menerima apa juga cadangan generasi muda ini, walaupun kadang kala ada pengurus yang lebih mahu membuat keputusan sendiri daripada mendengar isi hati belia Felda. "Memang belia yang muda ini kadang kala suaranya lantang dan ini menyebabkan pengurus Felda rasa tidak selesa. Tetapi berilah mereka peluang untuk mengutarakan pendapat dan cadangan," jelas beliau.

Program 'Jom Masuk Kampung' merupakan yang pertama dianjurkan kerajaan negeri bersama gabungan pelbagai agensi untuk memberikan pendedahan, maklumat dan peluang kepada golongan belia terutamanya di kawasan Felda. Dalam program itu sebanyak 25 gerai pameran dan jualan disediakan termasuklah dari Yayasan Negeri Sembilan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Rela, Jabatan Belia dan Sukan, Mara, Bomba dan Penyelamat, Angkatan Tentera Malaysia serta para usahawan.

**16/11/2008 (Ahad)**

### **MPK tiada peruntukan**

KUANTAN 16 Nov. - Masalah kepincangan pengangkutan awam di bandar Kuantan memang disedari Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) sejak beberapa tahun lalu. Pegawai Perhubungan Awam MPK, Haslinda Hassan berkata, pelbagai usaha telah dijalankan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam di bandar ini tetapi kurang berkesan atas sebab-sebab tertentu. Menurut beliau, faktor utama kegagalan tersebut ialah kekurangan peruntukan kerana kos menaik taraf sistem pengangkutan di bandar ini menelan belanja yang tinggi.

"MPK pernah mengadakan pertemuan dengan para pengusaha bas bagi memaklumkan mengenai keperluan penduduk Kuantan terhadap perkhidmatan ini. "Bagaimanapun, tiada syarikat yang ingin mengambil alih dengan memberikan alasan bahawa penyediaan perkhidmatan ini memerlukan kos yang tinggi," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini. Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melalui ruangan Forum melaporkan kepincangan perkhidmatan bas awam di bandar Kuantan. Menurut laporan itu, akibat kepincangan tersebut orang ramai terpaksa menggunakan teksi yang tambangnya didakwa amat mahal.

Haslinda memberitahu, pada 2006, MPK menyediakan kertas cadangan untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Kuantan yang mengandungi komponen-komponen seperti berikut:

1. Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu melalui konsep '*Park & Ride*.'
2. Penyediaan terminal baru
3. Pondok-pondok bas

Kertas cadangan itu, jelas beliau, telah dibentangkan dalam perjumpaan dengan Kementerian Pengangkutan namun sehingga kini masih belum mendapat maklum balas. "Untuk melaksanakan usaha-usaha ini melalui peruntukan sedia ada, MPK tidak berkemampuan daripada segi kewangan," jelasnya.

Beliau menambah, bidang kuasa MPK adalah daripada segi penentuan laluan sahaja manakala kelulusan permit dan lesen adalah di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Mengulas isu kebersihan, Haslinda berkata, MPK mengenal pasti beberapa lokasi stesen bas yang memerlukan tong sampah dan ada sebahagiannya telah disediakan tetapi mengalami kerosakan akibat vandalisme. Setiap tahun, jelas beliau, MPK membelanjakan lebih kurang RM100,000 bagi pembelian tong-tong sampah tersebut. Tegas beliau, usaha-usaha menambah baik kemudahan awam di bandar ini sentiasa dilakukan bagi keselesaan penduduk.

**17/11/2008 (Isnin)**

### **Felcra rancang aktiviti pertanian, penternakan hadapi krisis ekonomi global**

SHAH ALAM 17 Nov. — Felcra sedang merancang untuk memperkenalkan aktiviti ekonomi pertanian dan penternakan yang boleh memberikan pulangan segera kepada pesertanya sebagai persediaan menghadapi krisis ekonomi global. Pengarah Felcra Datuk Tajuddin Abdul Rahman berkata komoditi negara kini mengalami kejatuhan harga di pasaran dunia hingga menjelang pendapatan Felcra dan juga pendapatan pesertanya.

"Perkara ini telah dibincangkan dengan Ketua Pengawai Eksekutif Felcra (Datuk Mohd Nasir Baba) dan juga pengurusan kanan Felcra Bhd. Kita sedang atur satu langkah dan strategi," katanya pada sidang media selepas melancarkan program Sijil dalam Industri Pengurusan Perladangan di sini hari ini. Seramai 26 peserta dari Felcra mengikuti program itu di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, bagi membolehkan mereka memperoleh kelayakan akademik dalam bidang perladangan.

Justeru, Tajuddin berkata aktiviti pertanian seperti penanaman kontan buah-buahan dan sayur-sayuran serta penternakan ayam kampung misalnya, mampu menjana pendapatan sampingan segera kepada pesertanya. Sehubungan itu, katanya Felcra juga sedang memikirkan cara agar peserta boleh mengambil bahagian dan Felcra menjadi pengurus projek selain memikirkan pasaran bagi hasil dari aktiviti ekonomi sampingan itu.

**17/11/2008 (Isnin)**

## **Hanya 2,000 nelayan berdaftar dengan LKIM**

KOTA KINABALU 17 Nov. - Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini diberitahu, sehingga pertengahan 2008, hanya kira-kira 2,000 daripada 20,000 nelayan di Sabah yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Sabah.

ADUN Pantai Manis, Datuk Abdul Rahim Ismail yang juga Pengurus LKIM berkata, nelayan yang berdaftar itu membolehkan mereka mendapat insentif sara hidup sebanyak RM200 sebulan.

"Melalui pemberian insentif ini, sekurang-kurangnya akan dapat meringankan beban nelayan dan juga menambah pendapatan mereka yang tidak tetap," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan usul Belanjawan 2009 Negeri Sabah di Dewan Undangan Negeri Sabah ke-13 di sini hari ini. Katanya, selain jumlah kecil yang mendaftar dengan LKIM, bilangan nelayan di Sabah yang mendaftar dengan 14 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) juga hanya kira-kira 8,000 orang. Menurutnya, Kerajaan Pusat melalui Bajet 2009, menyediakan peruntukan RM300 juta untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan.

"Daripada jumlah ini, RM180 juta disediakan untuk menampung sara hidup nelayan dan pemilik bot ikan manakala RM120 juta lagi sebagai insentif tangkapan ikan," ujarnya.

Abdul Rahim berkata, masih terdapat peluang luas untuk membantu nelayan menaikkan taraf hidup yang rata-ratanya masih miskin. Katanya, satu industri yang berpotensi dimajukan ialah bidang akuakultur iaitu memelihara rumpai laut, menternak ketam, udang, tiram dan abalon terpilih.

Bekas Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah itu berkata, industri tersebut setakat ini hanya diusahakan sekitar Semporna, Kota Belud, Tuaran dan Kudat. "Di Sabah terdapat kawasan 90,000 hektar yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan penanaman rumpai laut. Melaluinya, lebih ramai penduduk boleh menyertai projek akuakultur," katanya.

Menurutnya, pengeluaran rumpai laut kering di Sabah masih berkurangan iaitu hanya 400 tan sebulan berbanding 800 tan yang diperlukan. Bagaimanapun, katanya, melalui Koridor Pembangunan Sabah (SDC), bidang tersebut akan lebih berkembang khususnya dengan penggunaan teknologi baru yang diperkenalkan. Selain itu, kata Abdul Rahim, pembinaan Pusat Akuakultur Marin Kebangsaan di Sabah untuk penyelidikan secara khusus akan turut memajukan bidang itu secara tidak langsung.

**18/11/2008 (Selasa)**

### **Dokumen perjanjian konsesi lebuh raya boleh didapati umum mulai 1 Januari**

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Kesemua 22 syarikat konsesi lebuh raya di seluruh negara kecuali Maju Expressway, yang mengendalikan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya, bersetuju untuk mendeklasifikasikan perjanjian konsesi lebuh raya antara kerajaan dengan syarikat terbabit kepada umum.

Menteri Kerja Raya, Datuk Mohd Zin Mohamed berkat, dokumen perjanjian tersebut boleh didapati mulai 1 Januari depan. Katanya, keputusan mendeklasifikasikan dokumen perjanjian tersebut dicapai berikutan persetujuan Kabinet pada mesyuarat 17 Oktober lepas terhadap memorandum kementerian itu yang bertajuk "Pengelasan Semula Semua Penjanjian Konsesi Lebuh raya Yang Sedang Beroperasi Supaya Dapat Didedahkan Kepada Umum".

"Kabinet bersetuju supaya perjanjian konsesi lebuh raya yang sedang beroperasi dikelaskan semula selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 selepas mendapat persetujuan daripada syarikat konsesi sejajar dengan peruntukan klausa kerahsiaan yang termaktub dalam perjanjian terbabit.

"Selepas itu, saya telah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk berurus dengan syarikat konsesi bagi mendapatkan keputusan mereka supaya menjadikan umum perjanjian-perjanjian ini. Semua mereka telah bersetuju kecuali satu," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini. - Bernama

**18/11/2008 (Selasa)**

### **Pakej rangsangan RM7b bermula suku pertama 2009**

KUALA LUMPUR 18 Nov. \_ Pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7 bilion yang diumumkan awal bulan ini akan dipastikan mula dilaksanakan menjelang suku pertama tahun depan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan yakin unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dan tahun depan mampu dicapai meskipun krisis kewangan global bertambah buruk berbanding ramalan awalnya. Malaysia mengunjurkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.5 peratus pada tahun ini dan 3.5 peratus pada tahun depan. "Untuk mencapai sasaran tersebut, kita harus memastikan permintaan domestik terus kukuh," katanya yang juga Menteri Kewangan.

Najib berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Forum Kewangan Islam Kuala Lumpur Kelima di sini hari ini. Beliau menambah, Malaysia sentiasa mengamalkan dasar terbuka ke arah melaksanakan langkah tambahan bagi merangsangkan perkembangan ekonomi

semasa. "Seperti yang anda ketahui, kita mengambil sikap terbuka dari semasa ke semasa, pada masa yang sama, kami juga sentiasa memerhatikan dan memantau keadaan dengan berhati-hati dan teliti," katanya.

Najib menjelaskan, untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi itu, kemudahan kredit yang disediakan oleh bank kepada syarikat tempatan termasuk kepada industri kecil dan sederhana (IKS) juga perlu kukuh.

"Pada masa yang sama, kita perlu lihat kepada keperluan garis panduan domestik yang perlu di liberalisasi dan diperkemaskan bagi memudahkan usahawan tempatan dan asing menjalankan perniagaan di negara ini," ujarnya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang melonggarkan lagi syarat penyenaraian ke Bursa Malaysia bagi syarikat yang mempunyai penyertaan ekuiti bumiputera kurang 30 peratus, beliau berkata, setakat ini, tiada pengumuman terbaru mengenainya dan apa yang jadi tumpuan pengumumannya baru-baru ini. "Kami sentiasa terbuka (kepada setiap permohonan) tetapi seperti mana yang saya katakan tadi, ia akan dilakukan berdasarkan kepada liberalisasi pada tahap yang dirasakan selesa," jelasnya.

Menurut Najib, langkah itu bertujuan memastikan pasaran pelaburan modal kerajaan kekal progresif dan kompetitif. Ditanya mengapa hanya sekarang pendekatan itu diperkenalkan dan adakah ia berasaskan kepada usaha kerajaan untuk menghadapi krisis kewangan global atau langkah tersebut bakal diumumkan kerajaan pada masa depan, beliau berkata, perkara itu telah lama dipertimbangkan. "Secara perlahan-lahan kita akan mempertimbangkannya," tambah beliau.

**18/11/2008 (Selasa)**

### **RM1.36 bilion biaya pejabat perwakilan**

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kerajaan telah membelanjakan RM1.36 bilion bagi menampung kos operasi pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dari tahun 2004 hingga 30 Jun 2008.

Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, perbelanjaan itu membabitkan 105 pejabat perwakilan yang terdiri daripada pelbagai kategori termasuk kedutaan besar dan suruhanjaya tinggi. "Ia turut melibatkan pejabat konsulat, perutusan tetap, pejabat perhubungan dan Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Teo Nie Ching (DAP-Serdang)** pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, sehingga Oktober 2008, terdapat 440 pegawai dan kakitangan Kementerian Luar yang berkhidmat di pejabat perwakilan terbabit. Daripada jumlah berkenaan, katanya, pegawai kumpulan pengurusan tertinggi seramai 17 orang, pegawai kumpulan pengurusan dan

profesional (143 orang) dan kakitangan kumpulan sokongan (269 orang). "Jumlah kakitangan ambilan tempatan (KAT) di negara-negara berkenaan pula ialah seramai 1,350 orang," katanya.

Tambah beliau, terdapat 421 pegawai dan kakitangan sokongan daripada 19 kementerian dan agensi kerajaan termasuk Kementerian Pertahanan dan Jabatan Imigresen yang bertugas di luar negara.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam jawapan bertulis kepada soalan Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) berkata, polis tidak pernah menyiasat dakwaan dalam sebuah buku yang mendakwa wujud penyelewengan dalam proses pilihan raya di Sabah.

Beliau berkata, dakwaan itu dibuat oleh pemberita, Mutualib Mohd. Daud dalam buku bertajuk IC Palsu Merampas Hak Anak Sabah yang diterbit pada tahun 1999. "Saya percaya sekiranya ada sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), ia akan disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR)," ujarnya.

**18/11/2008 (Selasa)**

### **RM300 juta pemulihan hutan**

KOTA KINABALU 18 Nov. - Sebanyak RM300 juta telah dibelanjakan untuk menggerakkan Unit Pengurusan Hutan (FMU) bagi menjalankan kerja-kerja penanaman dan pemulihan hutan di Sabah. Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Radin Maleh berkata, jumlah tersebut dihitung dari tempoh 1997 hingga Disember tahun lalu iaitu sejak FMU diperkenalkan.

"FMU sudah pun dilaksanakan di kawasan seluas 384,342 hektar, daripada jumlah tersebut kerja-kerja pemulihan hutan sudah dilakukan di kawasan seluas 189,910 hektar manakala kerja-kerja penanaman sudah dilakukan di kawasan seluas 94,432 hektar.

"Kos untuk kerja-kerja penanaman dan pemulihan hutan dijangka terus meningkat setiap tahun," katanya pada sesi soal jawab semasa membahaskan usul belanjawan 2009 Negeri Sabah pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah ke-13 di sini hari ini.

Radin menjawab soalan lisan, Datuk Louis Rampas (Bebas-Kiulu) yang menanyakan keberkesanan pihak kerajaan negeri yang memperkenalkan dasar FMU 10 tahun lalu. Beliau yang juga ADUN Melalap berkata, FMU akan diteruskan bagi memastikan kayu balak dari hutan-hutan di Sabah dapat terus dibekalkan secara berterusan.

"Usaha ini sesuai dengan keperluan syarat berlesen yang berpandukan kepada Pelan Pengurusan Hutan dengan tujuan menyediakan bekalan isipadu balak pada masa depan secara berterusan," katanya.

Konsep FMU katanya, mempunyai pelan pengurusan hutan yang sistematik iaitu setiap kawasan dibahagikan kepada zon konservasi, zon komuniti, zon hidupan liar dan beberapa zon lain. Selain FMU katanya, kerajaan negeri juga memperkenalkan Pengurusan Hutan Berkekalan (SFM) bagi memastikan pengurusan yang terbaik dan berkesan.

"SFM adalah untuk memastikan pengurusan hutan di Sabah yang efektif dan efisien serta memastikan sumbangan sektor perhutanan masih relevan dalam membantu arus pembangunan negeri," katanya.

Katanya, melalui SMF, kayu balak akan dapat terus dibekalkan dan pada masa yang sama juga sumber kayu balak tidak akan terputus.

Radin berkata, kerajaan melalui Jabatan Perhutanan Sabah sentiasa memantau aktiviti pembalakan supaya kegiatan tersebut mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

**18/11/2008 (Selasa)**

### **ADUN minta penjelasan projek sekolah terbengkalai**

ALOR GAJAH 18 Nov. - Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pelajaran daerah diminta memberikan penjelasan berhubung masalah yang dihadapi sehingga menyebabkan pembinaan tiga buah sekolah di kawasan Dewan Undangan negeri (DUN) Kuala Linggi di sini tidak sempurna.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Ismail Othman berkata, mengikut jadual projek, Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Jernih, SK Ayer Molek dan SK Kuala Sungai Baru sepatutnya hampir siap bagi membolehkan ia dapat dibuka pada sesi pembelajaran tahun depan. Katanya, beliau kecewa apabila mendapat terdapat banyak kerosakan berlaku pada ketiga-tiga sekolah tersebut walaupun baru dalam pembinaan.

"Saya terkejut apabila mendapat banyak bumbung sekolah dan bangunan makmal komputer mengalami kerosakan. Malah saya dapat terdapat juga kesan retak pada bangunan sekolah. "Bukan sahaja dinding bangunan, tangga juga dilihat masih belum sempurna dan terbiar begitu sahaja," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ismail berkata, paling mengecewakan beliau ialah apabila kawasan padang yang sepatutnya disediakan dalam pembinaan salah sebuah sekolah itu tidak dipatuhi pihak berkenaan. "Saya terkejut apabila mendapat sebahagian ruang dalam sekolah yang sepatutnya digunakan untuk dijadikan kawasan padang tetapi kini dilihat digunakan untuk tujuan lain.

"Pada pendapat saya, kerja-kerja pembinaan tiga sekolah terbabit hanya baru mencapai kurang 70 peratus dan saya bimbang jika keadaan ini berlarutan, tidak mungkin murid dapat menggunakan kemudahan sekolah ini apabila sesi persekolahan bermula kelak," kata beliau.

Pada masa sama, katanya, hasil lawatan kelmarin juga mendapati terdapat bangunan bilik darjah masih belum disiapkan dan kerja-kerja pembinaannya seperti terbengkalai. "Ini kerana, pada masa saya datang meninjau tapak projek, tiada pula kerja-kerja pembinaan dibuat, ia seperti projek tinggal sahaja. "Saya akan merujuk perkara ini kepada agensi kerajaan terbabit bagi menjelaskan secara terperinci berhubung masalah yang berlaku," katanya.

**18/11/2008 (Selasa)**

### **RM1.29 bilion urus Kedah**

ALOR STAR 18 Nov. - Kerajaan ne-geri mencadangkan peruntukan berjumlah RM1.29 bilion sebagai anggaran Bajet 2009 untuk menampung pelbagai perbelanjaan termasuk membangunkan negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak memberitahu, bajet berkenaan mengambil kira kedudukan kewangan semasa, anggaran hasil serta keperluan perbelanjaan mengurus, pembangunan dan bekalan air. "Hasil kerajaan negeri pada tahun 2009 dianggarkan RM487,478,010 berbanding RM484,955,785 pada tahun 2008 iaitu kenaikan sebanyak 0-5 peratus," kata beliau sewaktu membentangkan Bajet 2009 pada sidang Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-12, di sini hari ini.

Menurut Azizan, sumber kerajaan negeri itu daripada hasil cukai yang dianggarkan berjumlah RM261,403,530, hasil bukan cukai RM57,902,310 dan sumber bukan hasil RM168,172,170. Beliau menjelaskan, sebanyak 39 peratus daripada anggaran Bajet 2009 akan digunakan untuk perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM505,007,757 berbanding RM502,922,751 pada 2008.

"Ia menunjukkan kenaikan sebanyak 0.4 peratus, daripada jumlah tersebut, kira-kira 41 peratus ataupun RM206,749,498 akan digunakan untuk bayaran emolumen kakitangan kerajaan negeri."Sebanyak 19 peratus atau RM96,281,597 disediakan untuk bayaran perkhidmatan dan bekalan, RM185,423,020 atau 37 peratus bagi pemberian dan pembayaran tetap manakala pembelian aset pula berjumlah RM6,382,238 dan lain-lain perbelanjaan RM10,171,404," tambah beliau.

Azizan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Limau memberitahu, bagi melaksanakan pelbagai projek yang disusun rapi, kerajaan negeri mencadangkan supaya anggaran pembangunan diperuntukkan sebanyak RM425,990,370 pada 2009 berbanding RM277,640,580 pada tahun ini.

Menurut Azizan, anggaran pembangunan 2009 meliputi kumpulan wang pembangunan negeri berjumlah RM250,490,320 dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM175,500,050. "Berdasarkan agihan, peruntukan infrastruktur berjumlah RM314.7 juta, pertanian RM29 juta, kemasyarakatan RM5.6 juta, pentadbiran RM65.4 juta, sukan RM0.8 juta, komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) RM2 juta dan pelancongan RM8.3 juta.

"Bagi bekalan air, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak 28 peratus iaitu sebanyak RM356,494,290, anggaran yang meningkat dua peratus daripada anggaran tahun 2008," kata beliau.

**19/11/2008 (Rabu)**

### **Kerajaan tidak ada kuasa tutup plaza tol sebabkan kesesakan**

KUALA LUMPUR 19 Nov. — Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk menutup plaza tol yang menyebabkan kesesakan jalan raya terutamanya di waktu puncak, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Ir Mohd Zin Mohamed berkata, pihaknya boleh meminta syarikat konsensi terlibat untuk melakukan beberapa penambahan infrastruktur di plaza tol mereka supaya laluan trafik lebih lancar.

"Mengikut perjanjian konsesi, kita tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tindakan yang tidak akan mematuhi tuntutan dalam perjanjian. Jadi untuk kita arahkan perkara ini (menutup plaza tol), ia tiada dalam perjanjian," katanya menjawab soalan Gobind Singh Deo (DAP-Puchong).

Gobind ingin tahu sekiranya kerajaan mempunyai kuasa untuk menghalang syarikat konsesi Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) daripada mengutip tol berikutan masalah kesesakan sering berlaku di kawasan itu.

Terdahulu Mohd Zin berkata, syarikat konsesi LDP telahpun melakukan pelbagai usaha bagi mengurangkan kesesakan di dua buah plaza tol di kawasan Puchong. "Enam pondok tol ditambah masing-masing di Plaza Tol Puchong Barat dan Plaza Tol Puchong Selatan. Kerajaan juga telah melakukan promosi bagi menggalakkan pengguna lebuh raya membuat bayaran tol secara elektronik.

"Bagi menyelesaikan masalah kesesakan di plaza tol untuk jangka panjang, kerajaan bercadang melaksanakan pungutan tol secara 'Multi Lane Free Flow' (MLFF) yang masih dalam peringkat kajian," katanya. - Bernama

**19/11/2008 (Rabu)**

## **Kerajaan setuju dedah perjanjian konsesi lebuh raya**

Oleh HASNURUL MOHAMED



Mohd. Zin Mohamed melancarkan Program Insentif Perjalanan PLUS sambil diperhatikan Noorizah Abd. Hamid (kanan), Abdul Munit Kasmin (kiri) dan Nasir Mat Dam di Kuala Lumpur, semalam.

---

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Kesemua 22 syarikat konsesi lebuh raya di seluruh negara kecuali Maju Expressway yang mengendalikan Lebuh Raya Kuala Lumpur- Putrajaya, bersetuju untuk mendedahkan kepada umum perjanjian konsesi antara kerajaan dengan syarikat terbabit kepada umum.

Menteri Kerja Raya, Datuk Ir. Mohd. Zin Mohamed berkata, dokumen perjanjian tersebut boleh didapati mulai 1 Januari depan. Katanya, keputusan mendeklasifikasikan dokumen perjanjian tersebut dicapai berikutan persetujuan Kabinet pada mesyuarat 17 Oktober lalu terhadap memorandum kementerian itu bertajuk 'Pengelasan Semula Semua Penjanjian Konsesi Lebuh Raya Yang Sedang Beroperasi Supaya Dapat Didedahkan Kepada Umum.'

"Kabinet bersetuju supaya perjanjian konsesi lebuh raya yang sedang beroperasi dikelaskan semula selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 selepas mendapat persetujuan daripada syarikat konsesi sejajar dengan peruntukan klausa kerahsiaan yang termaktub dalam perjanjian terbabit."

"Selepas itu, saya telah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk berurus dengan syarikat konsesi bagi mendapatkan keputusan mereka supaya menjadikan umum perjanjian-perjanjian ini. Semua mereka telah bersetuju kecuali satu," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Insentif Perjalanan PLUS di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Abdul Munit Kasmin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, Datuk Nasir Mat Dam dan Pengarah PLUS Expressways Berhad, Noorizah Abd. Hamid.

Kerajaan memutuskan untuk mendedahkan kepada umum perjanjian tersebut berikutan banyak pihak mendakwa perjanjian itu berat sebelah yang lebih menguntungkan pemegang konsesi tol. Dengan mendeklasifikasi dokumen tersebut, orang ramai akan dapat meneliti semua aspek operasi syarikat konsesi lebuh raya termasuk aliran kewangan syarikat terbabit. Mengenai Maju Expressway Berhad pula, Mohd. Zin berkata, beliau menjangkakan akan menerima keputusan daripada pihak pengurusan syarikat itu dalam masa terdekat. "Mereka belum lagi bersetuju tetapi saya rasa mereka mungkin akan bersetuju," katanya.

**19/11/2008 (Rabu)**

### **Kontrak Rafiah: Bukan diskriminasi gender**

Oleh ZULKIFLI JALIL

AGAK gamat seketika apabila bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM), Datuk Rafiah Salim mendakwa wujudnya diskriminasi gender oleh kerajaan terhadap ahli akademik tempatan yang kononnya menjadi penyebab perkhidmatan beliau tidak disambung lagi.

Dalam satu temu bual dengan satu laman portal, Rafiah benar-benar menyuarakan kemarahaninya dengan ungkapan yang tidak sepatutnya dikeluarkan oleh seorang yang dihormati sepertinya: "Hanya kerana kami wanita dan tidak ada 'benda' itu, maka kita tidak bagus."

Benarkah dakwaan Rafiah itu atau beliau ketika ini diamuk emosi? Malah, perkara yang tidak enak didengar ialah apabila Rafiah dikatakan cuba menggunakan pengaruh istana untuk membolehkan perkhidmatan kontraknya dilanjutkan.

Utusan Malaysia difahamkan, menteri berkenaan dipanggil oleh pihak istana pada 24 Oktober lalu tetapi setelah diperjelaskan bahawa urusan perkhidmatan Rafiah di luar bidang kuasa beliau, sebaliknya diputuskan oleh Jawatankuasa Pelantikan Naib-Naib Canselor Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), barulah istana berpuas hati. Banyak benda yang tidak diperjelaskan oleh Rafiah kepada laman portal berkenaan sehingga timbul salah faham ahli akademik dan orang ramai terhadap kerajaan termasuk Kementerian Pengajian Tinggi.

Sumber-sumber Universiti Malaya memberitahu *Utusan Malaysia* semalam bahawa kontrak Rafiah selama dua tahun bermula Mei 2006, sebenarnya tamat pada Mei lalu. Namun, beliau masih diberi peluang dengan perkhidmatan beliau disambung secara kontrak selama enam bulan lagi sehinggalah ditamatkan perkhidmatannya pada 7 November lalu. Malah, Rafiah

sebenarnya ditemu duga sekali lagi bagi menentukan penyambungan perkhidmatan bersama empat calon yang lain.

"Malah, dari segi etika dan protokol, bolehkah seorang penjawat awam mempertikaikan soal kontraknya. Dia bukan dipecat tetapi kerana sudah habis kontrak. Dalam hal ini, tidak pernah pun kerajaan memberi sebab kepada kakitangan kontraknya yang telah tamat kontrak," kata sumber itu.

Rafiah turut mendakwa berlaku lagi diskriminasi gender apabila kononnya 'mendapat tahu baru-baru ini' bahawa Naib Canselor wanita diberi kontrak perkhidmatan selama dua tahun sedangkan Naib Canselor lelaki mendapat kontrak tiga tahun. Memang mulai Ogos 2007, pelantikan Naib Canselor yang baru adalah selama tiga tahun dan ditambah setahun lagi bergantung kepada prestasi dan Petunjuk Prestasi (KPI) yang ditetapkan.

"Tapi dakwaan Rafiah ini tidak berdasas langsung, kalau tidak masakan tempoh pelantikan Prof. Datuk Dr. Aminah Ayob sebagai Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selama tiga tahun. "Sebenarnya tidak timbul soal gender dalam pelantikan beliau. Malah, Rafiah merupakan wanita pertama yang dilantik sebagai Naib Canselor di Malaysia. Lagi pun, Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabudin turut disambung kontrak dua tahun lagi baru-baru ini sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," kata sumber itu lagi.

Realitinya, jawatan Naib Canselor merupakan jawatan terbuka dan hanya calon yang benar-benar layak akan ditapis dan dilantik untuk menjalankan tugas sepenting itu. Dalam konteks ini, Kementerian Pengajian Tinggi memberi peluang seluas-luasnya kepada wanita dengan melantik kalangan golongan itu tiga orang Naib Canselor dan enam orang Timbalan Naib Canselor di IPTA seluruh negara. Yang jelas, Malaysia mengamalkan dasar terbuka dan memberi peluang yang memuaskan kepada wanita sebagai pemimpin utama Pusat Pengajian Tinggi di Asia.

Kalau dibandingkan amalan di Jerman, Eropah dan United Kingdom, Malaysia meletakkan kedudukan yang lebih baik kepada pemimpin universiti wanita berdasarkan keupayaan, kepakaran dan mengetepikan soal gender. Apa yang diamalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah menjayakan transformasi pengajian tinggi negara ke arah pembentukan modal insan kelas pertama demi membina negara yang terbilang.

**19/11/2008 (Rabu)**

## **Maahad Dini perlu dana**

Oleh SAFINA RAMLI

|



SyEIKH Yahaya Jusoh menunjukkan projek sekolah Maahad Dini yang terbengkalai sejak enam tahun lalu di Jalan Suka Menanti, Alor Star, Kedah, baru-baru ini.

- Gambar SAFINA RAMLI

ALOR STAR 19 Nov. - Usia penubuhan Maahad Dini di negeri ini telah menjangkau hampir 19 tahun, namun sekolah agama ini masih belum mempunyai bangunan sendiri. Dalam usia sebegini, sebuah sekolah agama perlu mempunyai sebuah bangunan sendiri untuk memantapkan lagi sistem pendidikannya kerana sehingga kini ramai pelajar memilih untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran agama.

Pengerusi Binaan Maahad Dini, Datuk Syeikh Yahaya Jusoh berkata, sejak dari dulu pelajar-pelajar maahad itu terpaksa menumpang di Maktab Mahmud untuk meneruskan pengajian mereka. "Sejak 1989 lagi, pelajar Maahad Dini terpaksa menumpang di Maktab Mahmud dan harapan pelajarnya untuk memiliki bangunan sekolah sendiri berkecai setelah projek pembinaan sekolah ini terhenti pada 2002 akibat ketiadaan dana.

"Kami amat berharap kerajaan dapat membantu pihak kami dari segi kewangan untuk memastikan projek bangunan Maahad ini dapat diteruskan semula untuk keselesaan para pelajarnya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini. Mengikut perancangan asal, bangunan itu nanti akan mempunyai dua blok sekolah, bangunan pentadbiran dan kantin sekolah.

Menurut Syeikh Yahya, permohonan pelajar-pelajar di negeri ini untuk meneruskan pengajian mereka dalam bidang agama di Maktab Mahmud menjangkau sehingga 3,000 orang setiap tahun. Jelasnya, disebabkan itu, Maahad Dini ditubuhkan untuk menampung jumlah pelajar yang berminat untuk meneruskan pengajian mereka dalam aliran agama.

"Pada tahun 2002, kami mendapat bantuan daripada kerajaan dan pihak swasta namun bantuan ini dihentikan dan kami tidak dapat meneruskan pembinaan bangunan. "Sehingga kini, hampir enam tahun projek ini terbengkalai dan kami masih tidak dapat meneruskan

pembinaannya kerana tabung pembangunan Maahad ini juga mengalami kekurangan dana," ujarnya. Tambahnya, kos untuk meneruskan semula projek bangunan Maahad ini kira-kira RM5 juta dan dia amat berharap kerajaan dan badan-badan korporat dapat membantu kami untuk meneruskan projek ini.

"Saya berharap projek ini dapat diteruskan kerana bidang pengajian agama sentiasa menjadi pilihan pelajar," tambahnya. Kepada sesiapa yang ingin mengisi dana projek itu, mereka boleh menyalurkannya kepada Tabung Pembangunan Maahad Dini melalui akaun Bank Islam Malaysia Berhad nombor 02011010044110.

**20/11/2008 (Khamis)**

### **Pelan tindakan tangani pengangguran dilancar**

KUALA LUMPUR 20 Nov. – Pelan Tindakan Negara bagi Pengangguran yang dilancarkan hari ini akan membolehkan kerajaan memberi tumpuan kepada usaha menangani pengangguran, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, pelan itu merupakan satu langkah persediaan bagi menghadapi kemungkinan peningkatan dalam kadar pengangguran, kesan daripada krisis ekonomi global, pergantungan terlalu besar kepada pekerja asing, perubahan dalam pasaran tenaga kerja dan meningkatkan daya saing negara dalam pasaran tenaga kerja.

"Dalam perkataan lain, pelan tindakan ini adalah agenda negara yang menyediakan hala tuju dan menetapkan keutamaan bagi bidang pekerjaan di Malaysia," katanya dalam ucapan yang dibacakan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S.Subramaniam pada perasmian persidangan mengenai amalan kerja baik di sini hari ini.

Abdullah berharap pelan tindakan itu akan dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Beliau meminta semua pihak yang berkaitan memberi maklumat balas serta bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi menjamin kejayaan pelan itu. - Bernama

**20/11/2008 (Khamis)**

### **Bekas pegawai TM ServiceCo didakwa beri kenyataan bercanggah**

KUALA LUMPUR 20 Nov. – Bekas Ketua Perolehan Unit Servis, TM ServiceCO mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan memberi keterangan bercanggah dalam perbicaraan kes rasuah membabitkan bekas Ketua Pegawai Operasi syarikat tersebut.

Badrul Hisham Md Noh, 44, didakwa memberi keterangan bahawa Datuk Ibrahim Md. Nasir telah memberikannya sampul surat yang mengandungi wang untuk dibayar kepada Pengurus Besar Putrajaya Bumi Holdings Sdn. Bhd., Kamal Amir Kamal Hijaz bagi tiket penerbangannya ke London pada 28 Februari lalu.

Sedangkan dalam kenyataannya kepada pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada 26 Mac 2003, dia memberitahu tidak pernah menerima sampul atau wang bagi tujuan tersebut. Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 19(2) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang memperuntukan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Hakim Mohd Nasir Nordin membenarkan Badrul Hisham dibebaskan dengan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin serta menetapkan 13 Februari 2009 untuk perbicaraan. - Utusan